

"ILMU ialah milik Allah dan Allah mengurniakan martabat yang tinggi kepada hamba-Nya yang memiliki ilmu. Ilmu ialah faktor tunggal yang mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya yang terang-benderang. Kerana itu Islam sangat mementingkan ilmu."
- Titah Sempena Majlis Ilmu Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-62 Tahun pada 23 Rejab 1429 Hijrah / 26 Julai 2008 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"DAN tahukah engkau apakah jalan yang sukar itu? (iaitu) memerdekakan hamba. Atau memberi makan pada hari berlaku kelaparan. (kepada) anak yatim yang ada hubungan kerabat."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Balad ayat 12 hingga 15).

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.04 SUBUH 5.14 SYURUK 6.35 DUHA 6.59 ZUHUR 12.33 ASAR 3.55 MAGHRIB 6.28 ISYAK 7.41

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 10

23 JANUARI 2019 / 1440 جمادى الأول 17

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Pembayaran cukai bangunan dalam talian

Lawatan kongsi pencapaian terkini industri perikanan negara

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

MUARA, Selasa, 22 Januari. - Bagi mengongsi pencapaian terkini aktiviti-aktiviti industri perusahaan perikanan di negara ini, rombongan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) meninjau beberapa lokasi tapak perusahaan perikanan di Daerah Brunei dan Muara.

Kapal penangkapan ikan milik Syarikat Gemilang Seri Shunfan Venture Sdn. Bhd yang bertempat di Kompleks Pendaratan Ikan Muara adalah antara yang menjadi tumpuan lawatan.

Hadir menyertai rombongan berkenaan ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Semasa lawatan tersebut,

rombongan diberikan penerangan mengenai syarikat usahasama tempatan dengan pelabur asing dari Republik Rakyat China yang menjalankan perusahaan penangkapan ikan laut di Zon 4.

Syarikat berkenaan mempunyai sebanyak tujuh buah kapal yang mula beroperasi sejak bulan Mei 2018 dan hasil pengeluaran pada tahun lalu adalah sebanyak 237.8 tan metrik.

Rombongan juga melawat ke Syarikat Yamako Pacific (B) Sdn Bhd yang merupakan sebuah syarikat usahasama tempatan bersama pelabur asing dari Jepun yang telah memulakan perusahaan sejak April 2018.

Ke muka 4



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyempurnakan perasmian pelancaran pembayaran cukai bangunan dalam talian pada majlis yang diadakan di Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan. - Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin (Lihat Muka 3).

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

Peningkatan jenayah komputer, siber ancaman serantau

Berita dan Foto: Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Januari. - Tema Mesyuarat Kerjasama Latihan ASEANAPOL Ke-9 'Membina Kapasiti Dinamik' sangat relevan dengan situasi semasa dalam peningkatan jenayah komputer dan siber telah membawa pelbagai ancaman dan cabaran baharu kepada keselamatan serantau.

Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam berkata, adalah penting bahawa sebagai agensi penguatkuasaan undang-undang utama untuk terus meningkatkan usaha dalam

memperkuatkan kapasiti dan keupayaan dalam memerangi dan menyelesaikan jenayah dengan cara strategi dan operasi polis yang berkesan.

"Tujuan utama dalam konteks ASEANAPOL adalah platform untuk memulakan strategi baharu, inisiatif dan untuk mencari metodologi baharu untuk mengukur keperluan ahli ASEANAPOL sama ada secara kolektif atau secara individu," ujarnya pada Majlis Pembukaan Mesyuarat Kerjasama Latihan ASEANAPOL Ke-9 berlangsung di Auditorium, Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Menurut Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy, unsur yang paling penting ialah kesalinghubungan dalam merangka jalan bagi pemimpin-pemimpin masa depan Pasukan Polis ASEAN yang mana para pemimpin akan mewujudkan dasar-dasar yang kondusif yang merangkumi dasar-dasar yang dipersetujui oleh Ketua Polis ASEANAPOL.

Tambahnya, kita perlu memahami dan menyedari akan keupayaan setiap negara anggota dan program latihan untuk memenuhi keperluan dalam membantu antara satu sama lain bagi merapatkan jurang dan mengukuhkan kelemahan yang dikenalpasti.

Ke muka 6



Muka 5

PERANCANGAN
Strategik MSD
2018/2019 – 2022/2023
dilancarkan



Muka 13

PELAJAR kurang
berkemampuan
terima bantuan sarapan
percuma

Mushaf Al-Quran calak Brunei dikembangkan melalui versi digital

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

KITA juga mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita sempat bersama dalam majlis hari ini yang kelihatannya merupakan suatu acara rutin.

Ia seperti acara rutin kerana sudah kebiasaan bagi Pusat Da'wah Islamiah mengadakan majlis-majlis pelancaran. Antaranya ialah acara pelancaran buku-buku terbitannya dalam majlis seperti ini.

Hari ini ada enam buah buku terbaharu untuk dilancarkan.

Tiga buah daripadanya masing-masing tulisan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin bertajuk 'Isra' Mi'raj: Menjana Shalat dan Munajat.'

Sementara buku bertajuk 'Perspektif Pembangunan Ugama, Bangsa dan Negara' adalah dari transkrip dari suatu wawancara Yang Mulia Pengiran Daro Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Dan yang yang ketiga ialah buku bertajuk 'Memandang ke Hadapan Sambil Menoleh ke Belakang', suatu kompilasi petikan ucapan-ucapan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, lebih 30 tahun yang lalu pada tahun-tahun awal 80'an iaitu suatu period waktu menjelang negara kita mencapai kemerdekaan dan period awal selepasnya sewaktu Yang Berhormat itu menjawab jawatan Pengarah Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan sebelumnya Jabatan Setiausaha Kerajaan (SUK).

Sementara tiga buah buku lagi adalah masing-masing bertajuk 'Himpunan Ayat-Ayat Al-Quran dan Hadits Mengenai Perkahwinan dan Perceraian' tulisan bersama Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Mohammad dan Yang Mulia Dayang Latifah binti Haji Ismail. Sebuah lagi buku tulisan bersama ialah 'Himpunan Ayat-Ayat Al-Quran dan Hadits Mengenai Binatang' oleh Yang Mulia Dayang Nor Rashidah binti Abdul Rahman dan Yang Mulia Dayang Jalijah binti Sable.

Dan buku yang ke enam ialah buku 'Pengurusan Jenazah: Panduan dan Amalan', yang diusahakan oleh Bahagian Perancangan, Kajian dan Penerbitan Pusat Da'wah Islamiah.

Pusat Da'wah Islamiah patut mendapat penghargaan. Dalam tempoh lima tahun terakhir sahaja (2014 - 2018) sebanyak 112 buah buku telah diterbitkan. 48 tajuk daripadanya adalah terbitan bersempena sambutan hari-hari kebesaran Islam dan dibahagikan kepada umum secara percuma. 37 tajuk adalah terbitan khas yang meliputi aspek-aspek ugama, sosial-budaya dan malah juga kenegaraan. Dan selebihnya 27 tajuk



MENTERI al Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman di Majlis Pelancaran Aplikasi Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya dan Pelancaran Buku-Buku Terbitan Pusat Da'wah Islamiah pada 21 Rabiulawal 1440 bersamaan 29 Disember 2018 bertempat Pusat Da'wah Islamiah.

adalah buku cetakan ulangan.

Dalam penerbitan buku yang bersempena hari-hari kebesaran Islam, saya mengambil ingatan baik tentang satu perkara iaitu Pusat Da'wah akhir-akhir ini telah menyebutkan nama penulis-penulisnya.

Hal ini adalah suatu perkembangan yang sangat wajar. Dan dari sana kita sebenarnya baru mengetahui ada ramai yang bukan setakat berbakat penulis bahkan sudah boleh diakui penulis-penulis yang kukuh dengan ilmu masing-masing. Hal ini tentu akan diteruskan supaya kita akan mampu menentangkan ramai lagi agamawan-agamawan penulis bidang-bidang ugama, bahkan bidang-bidang lain seperti bidang sejarah, sosial-budaya dan kenegaraan.

Demikianlah yang dapat disampaikan setakat penerbitan buku-buku yang akan dilancarkan.

Ternyata benar bahawa ia menjadikan majlisnya berupa acara yang rutin, yang biasa dianjurkan oleh Pusat Da'wah Islamiah.

Namun oleh kerana majlis yang kita hadiri ini bukan sahaja bagi pelancaran beberapa buah buku terbitan Pusat Da'wah Islamiah. Ianya juga adalah majlis sempena melancarkan 'Aplikasi Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya'.

Maka ternyata ianya satu kemajuan dalam penerbitan "Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya" bagi tiga juz pertama yang diterbitkan hampir sepuluh tahun dahulu (2009) dan kemudian disempurnakan selengkapnya tiga puluh juz pada lima tahun kemudian (2014).

Susulan daripada penerbitan edisi lengkap 30 juz itu ialah sekarang berupa digital dalam aplikasi mudah alih yang dirancang tiga tahun yang lalu dan dilaksanakan dalam beberapa fasa.

Alhamdulillah fasa pertamanya yang siap pada tahun 2018 ini ialah berupa paparan "Mushaf Brunei Darussalam" sahaja, diikuti dengan paparan "Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya" sebagaimana dalam versi cetakannya yang telah diterbitkan itu dan paparan tutorial.

InsyaaAllah dalam waktu yang terdekat akan diikuti lagi dengan fasa kedua bagi aplikasi yang dilancarkan hari ini yang mana akan memuatkan suara pembaca atau qari' anak negeri selengkapkan tiga puluh Juz bagi paparan mushaf sepenuhnya.

Selepas fasa kedua ini dijangkakan "Mushaf Brunei Darussalam" versi digital yang telah lengkap dengan terjemahannya itu akan seterusnya dikembangkan sebagai versi digital mushaf Al-Quran calak Brunei seperti versi-versi digital beberapa buah mushaf Al-Quran yang tersedia ada dalam media sosial sekarang. InsyaaAllah.

Saya yakin Pusat Da'wah Islamiah mampu memikul dan meneruskan misi ini serentak dengan membangun dan memajukan kemahiran tempatan bidang infoteknologi dan digital. Dalam usahanya sekarang sebenarnya Pusat Da'wah telahpun menggunakan kemahiran tersebut.

Saya sangat berbesar hati dan bangga mendapati tenaga mahir membangun aplikasi ini ada terdiri dari anak muda yang bersemangat ugama dan berkebakakan. Terima kasih dan tahniah kepada Mohammad Dinie Rosydi bin Judin, Project Manager, Mohammad Azizi bin Mohd. Alli Sabri dan Ak. Haji Muhd. Hidayatullah bin Pg. Haji Bakar dari Syarikat Cirrus Tech & Services.

Mereka menjalin kerjasama yang baik lagi akrab dengan kerabat kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama di Bahagian Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS (PPPQ) dan Bahagian Teknologi Maklumat. Terima kasih dan tahniah sama kita berikan kepada mereka.

Demikianlah adanya, semoga kita sekalian dalam majlis ini sama-sama dirahmati Allah khasnya untuk sampai ke penghujung tahun yang hanya beberapa hari saja lagi.

InsyaaAllah, ke mana dan di mana serta dalam apapun keadaan kita yang pastinya kita tetap hamba Allah yang mendambakan ampun redaNya sebelum dan semasa berada di terminal terakhir Yaumul qiamah, Amin.

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

23 JANUARI 2019 BERSAMAAN 1440 جُمَادَى الْأُولَى 17

BERI SOKONGAN, KERJASAMA MAJUKAN SEKTOR PELANCONGAN

SEKTOR Pelancongan bukan satu bidang yang asing dan baharu malahan sudah diketahui umum ia merupakan salah satu sektor besar yang menyumbang kepada pembangunan dan ekonomi sesebuah negara.

Di negara-negara maju dan juga yang membangun, sektor pelancongan mereka dimajukan kerana ia bukan sahaja melibatkan sektor pelancongan semata-mata akan tetapi juga kepada mewujudkan peluang pekerjaan serta penambahbaikan infrastruktur, perkhidmatan serta produk mereka. Ini secara tidak langsung menaikkan taraf serta kualiti kehidupan masyarakat setempat.

Merujuk www.visitbritain.org, pada tahun 2010, sektor pelancongan di United Kingdom diramal bernilai lebih £257 bilion menjelang 2025. Menurut laman sesawang tersebut lagi, pada tahun 2013, 9.6 peratus dari jumlah keseluruhan pekerjaan di negara tersebut adalah terdiri dari sektor pelancongan yang mana ia menyumbang sembilan peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negara berkenaan. Sementara itu di negara jiran seperti Republik Singapura pada tahun 2017 menunjukkan peningkatan jumlah pelancongan yang tiba ke negara berkenaan, di samping menyumbang kepada ekonomi negara tersebut.

Sementara itu menurut Siaran Akhbar Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, pada Mesyuarat Ke-7 Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN-India yang diadakan pada 18 Januari 2019 di Ha Long City, Republik Sosialis Viet Nam bersempena dengan Forum Pelancongan ASEAN 2019, data awal menunjukkan seramai 139.5 juta pelancong dicatat tiba di negara-negara anggota ASEAN dan India pada tahun 2018, peningkatan 7.4 peratus dibandingkan tahun sebelumnya.

Indikator-indikator di atas sudah cukup mempamerkan betapa besarnya sektor pelancongan dan penekanan yang diberikan oleh negara-negara lain kerana seperti yang dinyatakan sebelum ini, ia banyak menyumbang kepada ekonomi serta pembangunan sesebuah negara. Namun apa yang penting di sini ialah tadbir urus yang strategik serta berkeson di samping kerjasama antara semua pihak untuk memastikan sektor ini boleh bergerak maju.

Di Negara Brunei Darussalam, sektor pelancongan juga diakui sebagai salah satu sektor yang boleh dikembangkan lebih-lebih lagi dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara ini serta mengurangkan kebergantungan kepada sektor minyak dan gas sebagai sumber utama ekonomi negara.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak-pihak berkenaan dalam usaha untuk memajukan sektor ini dan ini boleh dilihat melalui statistik dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang mana dalam tempoh suku pertama tahun 2018 (Q1 2018), jumlah ketibaan pelancong antarabangsa ke Negara Brunei Darussalam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei mencapai seramai 70,729 pelancong berbanding dengan 67,956 pelancong pada suku pertama tahun 2017 (Q12017) dengan peningkatan sebanyak 4.1 peratus dari tahun-ke-tahun (year-on-year/ y-o-y).

Berkata mengenai produk dan perkhidmatan, negara kita juga tidak kurang dari segi kualiti dan standard serta potensi dan ini boleh dilihat melalui penganugerahan Anugerah Standard Pelancongan ASEAN 2019 kepada beberapa pengusaha tempatan di negara ini semasa Forum Pelancongan ASEAN 2019.

Bagi Anugerah Standard Spa ASEAN, antara penerima anugerah dari negara ini ialah Trueliving Spa & Studio, The Empire Hotel & Country Club Spa/Day Spa, Essensuals Beauty Hair & Nail Spa, Reflection Eco Holistics (B) Sdn Bhd and Cantik Spa Beautyline.

Sementara itu Kompleks Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah, Taman Warisan Tasek Merimbun, Muzium Teknologi Melayu Brunei dan Restoran Horizons Seafood menerima Anugerah Standard Tandas Awam Pertama.

Bagi Anugerah Standard Inap Desa ASEAN pula, Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga dan Kampung Eko Sumbiling adalah antara penerima Anugerah Standard Pelancongan Berasaskan Komuniti ASEAN dan Inap Desa Seri Tanjung pemenang Anugerah Standard Inap Desa ASEAN.

Syabas diucapkan kepada para penerima anugerah-anugerah. Ini jelas membuktikan bahawa negara kita, lebih-lebih lagi anak-anak tempatan juga mempunyai kualiti yang standard yang setanding dengan negara-negara ASEAN yang lain. Apa yang penting sekarang ialah untuk mengekalkan malahan meningkatkan lagi kualiti dan standard produk serta perkhidmatan masing-masing agar ia bukan sahaja boleh diterima di peringkat rantau ini malahan juga lebih jauh lagi iaitu untuk membuka pasaran serta jenama masing-masing kepada pelancong-pelancong dari rantau-rantau lain.

Sektor pelancongan sudah terbukti boleh membantu ke arah mempelbagaikan ekonomi serta membantu mewujudkan peluang pekerjaan. Dengan sokongan, kerjasama dan kesungguhan semua pihak, insyaaAllah, lebih banyak ruang yang boleh diterokai. Marilah kita sama-sama berganding bahu agar usaha untuk memajukan sektor pelancongan di negara ini akan berjaya dan seterusnya membantu negara ke arah pembangunan yang lebih mampan.

- Ketua Penyuntingan (S)

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 24 °C	31 25 °C	31 25 °C
PEKAN BANGAR		
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
PEKAN TUTONG		
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
KUALA BELAIT		
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	RABU	17	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.28	7.41
24	KHAMIS	18	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
25	JUMAAT	19	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
26	SABTU	20	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
27	AHAD	21	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
28	ISNIN	22	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
29	SELASA	23	5.05	5.15	6.36	7.00	12.34	3.56	6.30	7.43

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN | **AMBULANS 991** | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123 | **NDMC 2380214**

Pembayaran cukai bangunan dalam talian



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyaksikan tayangan klip video mengenai aplikasi telefon pintar / perbankan dalam talian tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri diberi penerangan mengenai aplikasi telefon pintar tersebut.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Januari.- Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan-Jabatan Bandaran telah memperkenalkan satu inisiatif baharu dalam memudahcara pembayaran cukai bangunan di kawasan-kawasan perbandaran. Inisiatif tersebut adalah menyediakan kemudahan pembayaran cukai bangunan secara dalam talian (*online*) melalui aplikasi telefon pintar/perbankan dalam talian dengan kerjasama dua institusi kewangan perbankan di negara ini iaitu Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) dan Baiduri Bank Berhad. Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Pembayaran Cukai

Bangunan Secara Online tersebut berlangsung di Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pelancaran pembayaran cukai bangunan dalam talian ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. Majlis diisikan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diikuti dengan pelancaran tersebut serta menyaksikan pembayaran cukai bangunan dalam talian daripada beberapa orang pelanggan yang memiliki hartanah di dalam kawasan Jabatan-Jabatan

Bandaran. Perkhidmatan ini adalah sebagai salah satu alternatif kepada pelanggan (pembayar cukai bangunan) untuk menjelaskan cukai bangunan selain daripada membuat pembayaran di kaunter-kaunter Jabatan Bandaran yang ada pada masa ini iaitu bayaran secara tunai, kad kredit dan cek. Perkhidmatan ini merupakan satu lagi *milestone* bagi jabatan-jabatan bandaran iaitu Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan; Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, dan Jabatan Bandaran Tutong selaku agensi-agensi kerajaan yang memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Pembayaran cukai bangunan boleh dibuat dalam talian di laman sesawang www.bibd.com.bn dan www.baiduri.com.bn dan juga

aplikasi perbankan BIBD Mobile App dan Baiduri Personal i-Banking. Dengan adanya kemudahan ini, ianya akan dapat memperkesakan dan meningkatkan kutipan hasil cukai bangunan serta mengurangkan tunggakan Jabatan-Jabatan Bandaran. Selain itu, perkhidmatan ini akan dapat memberi kemudahan kepada pembayar cukai bangunan untuk menjelaskan tuntutan cukai pada bila-bila masa dengan mudah dan cepat, tanpa perlu datang ke kaunter pembayaran di Jabatan-Jabatan Bandaran di Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria dan Tutong. Juga hadir ialah Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), Awang Salminan bin Haji Burut; Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Awang Mohd. Amir

Hairil bin Haji Mahmud; Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), Awang Abdul Walid bin Haji Matassan dan Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Awang Ajman bin Haji Meludin. Turut hadir ialah Pengarah Eksekutif Urusan BIBD, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri; ketua-ketua Jabatan di bawah KHEDN, pegawai-pegawai kanan dari KHEDN, Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan-Jabatan Bandaran, pegawai-pegawai kanan dari BIBD dan Baiduri Bank Berhad serta beberapa orang pelanggan yang memiliki hartanah di dalam kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dan Lembaga Bandaran Tutong.

NBD bolot Anugerah Standard Pelancongan ASEAN



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (enam, kanan) bergambar ramai bersama para penerima Anugerah Standard Pelancongan ASEAN 2019.

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

HA LONG CITY, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM, Isnin, 21 Januari. - Brunei Darussalam's Trueliving Spa & Studio, the Empire Hotel and Country Club

Spa/Day Spa. Essentials Beauty Hair & Nail Spa, Reflection Eco Holistics (B) Sdn. Bhd. dan Cantik Spa Beautyline adalah antara penerima Anugerah Spa Standard

ASEAN. Bukan itu saja, Tandas Awam Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei; Tandas Awam Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah; Tandas Awam Taman Warisan Tasek Merimbun; Tandas Awam Muzium Teknologi Melayu Brunei dan Tandas Awam Horizons Seafood Restaurant juga telah memenangi Anugerah

Standard Tandas Awam Pertama. Majlis Penyampaian Anugerah Standard Pelancongan ASEAN telah diadakan di Kelab Golf Ha Long Bay di Ha Long City pada 17 Januari 2018 bersempena dengan Forum Pelancongan ASEAN 2019. Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga dan Sumbiling Eco Village adalah antara penerima

Anugerah Standard Pelancongan Berasaskan Komuniti ASEAN dan Seri Tanjung Homestay memenangi Anugerah Standard Homestay ASEAN. Resepsi Malam Brunei yang diadakan di Hotel Wyndham Legend Halong, Ha Long City, Quang Ninh, Republik Sosialis Viet Nam bersempena Forum Pelancongan ASEAN ke-38 2019.

Lawatan kongsi pencapaian terkini industri perikanan negara



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong bersama rombongan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ketika diberi penerangan semasa lawatan ke Syarikat Yama Pacific (B) Sdn. Bhd (kiri). Manakala gambar kanan, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama rombongan Ahli-ahli MMN ketika melawat Kapal Syarikat Gemilang Seri Shunfan Venture Sdn. Bhd.

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dari muka 1

Perusahaan syarikat tersebut adalah termasuk pemprosesan Ikan Tuna dan Skipjack bagi penghasilan Tuna Loin, Tuna Saku, Negitoto dan Skipjack Mince, dengan fasiliti 4 unit pemprosesan dan satu cold storage.

Pasaran syarikat pula kebanyakannya tertumpu ke negara Jepun yang mana hasil pengeluaran pada tahun lalu sebanyak 297.88 tan metrik.

Lawatan adalah merupakan beberapa siri lawatan yang telah disusun oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) bagi mengongsikan serta membarigakan mengenai dengan perkembangan dan pencapaian terkini aktiviti-aktiviti industri perikanan di negara ini.

Selain daripada itu, program lawatan ini juga mendedahkan penglibatan anak-anak tempatan sebagai pemilik secara persendirian ataupun usahasama (joint-venture) dengan pengusaha-pengusaha asing dan juga mampu memberi peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak dan Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Haji Abdul Halidi bin Mohd. Salleh.

Program lawatan seterusnya bagi Ahli-ahli MMN akan diteruskan lagi dengan siri lawatan kedua iaitu lawatan ke Tapak-Tapak Perusahaan Pertanian di Daerah Brunei Muara pada Sabtu, 26 Januari 2019.



ROMBONGAN Ahli-ahli MMN ketika diberi penerangan semasa melawat Kapal Syarikat Gemilang Seri Shunfan Venture Sdn. Bhd. yang mana terdapatnya tempat penyimpanan sejuk beku bagi Ikan Tuna dan Skipjack.

Ahli MMN tinjau Tapak Perusahaan Perikanan



AHLI-AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa mengadakan lawatan ke beberapa lokasi tapak-tapak perusahaan perikanan di Daerah Brunei dan Muara.

MUARA, Selasa, 22 Januari. - Kearifan mengetahui perkembangan dan pencapaian terkini aktiviti-aktiviti industri perikanan

di negara ini, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah mengadakan lawatan ke beberapa lokasi tapak-tapak perusahaan

perikanan di Daerah Brunei dan Muara.

Ketibaan rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN di

Kompleks Pendaratan Ikan dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Perikanan, Dayang Mariani binti Haji Sabtu.

Sebelum memulakan lawatan, rombongan terlebih dahulu diberikan taklimat ringkas mengenai keselamatan dan beberapa lokasi tapak-tapak perusahaan perikanan yang akan dilawat.

Rombongan Ahli-ahli Yang Berhormat kemudian membuat lawatan ke Ternakan Ikan Dalam Sangkar Tanjung Pelompong milik Syarikat Nur Az-Zahra Aquaculture yang memternak ikan Kerapu Hibrid, ikan Selungsong, ikan Merah, ikan Putih dan Kerapu.

Sangkar seluas 1 hektar tersebut dihasilkan oleh seorang belia tempatan, Awang Muhd. Azhar bin Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz.

Sangkar ikan Syarikat Tong Kee Products (B) Sdn. Bhd juga menjadi tumpuan lawatan rombongan Ahli-ahli MMN.

Berkeluasan 5 hektar, sangkar tersebut mempunyai 150 buah sangkar dan merupakan syarikat usahasama Brunei-Hong Kong yang diuruskan oleh Albert Shim.

Program lawatan kerja tersebut antarlain untuk memberi pendedahan kepada Ahli-ahli

MMN mengenai dengan teknik serta sistem perladangan moden dan teknologi-teknologi terkini yang digunakan oleh pengusaha-pengusaha dalam meningkatkan keluaran dan produktiviti perusahaan masing-masing.

KAJI SELIDIK
PEMBACAAN
PELITA BRUNEI



IMBAS KOD QR
UNTUK MENYERTAI
KAJI SELIDIK

Perancangan Strategik MSD 2018/2019 – 2022/2023 dilancarkan

Berita dan Foto:
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Januari. - Perancangan Strategik Jabatan Perkhidmatan Pengurusan 2018/2019 - 2022/2023 mengandungi maklumat terkini termasuk peranan visi dan misi Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD).

ia juga mengandungi peta strategi jabatan sebagai konsultasi pengurusan utama yang berkualiti tinggi bagi kecemerlangan Perkhidmatan Awam serta Balance Scorecard dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi agensi-agensi kerajaan.

Sehubungan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, hari ini telah melancarkan Perancangan Strategik Jabatan Perkhidmatan Pengurusan 2018/2019 - 2022/2023 yang berlangsung di MSD, Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud menekan punat sebagai simbolik kepada Majlis Pelancaran Perancangan Strategik Jabatan Perkhidmatan Pengurusan 2018/2019 - 2022/2023 (gambar kiri). Sementara gambar kanan, Menteri di JPM (kanan) menerima Buku Perancangan Strategik Jabatan Perkhidmatan Pengurusan 2018/2019 - 2022/2023 daripada Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Awang Aminuddin bin Haji Buntar dan Pemangku Timbalan Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Dayang Hajah Masbi binti Haji Morni. Juga hadir ialah Setiausaha Tetap di JPM serta pegawai-pegawai kanan dari JPM dan MSD.



Kehadiran Yang Berhormat Menteri di JPM dialu-alukan oleh Pengarah Perkhidmatan

Pengurusan, Awang Aminuddin bin Haji Buntar dan Pemangku Timbalan Pengarah Perkhidmatan

Pengurusan, Dayang Hajah Masbi binti Haji Morni. Juga hadir ialah Setiausaha

Tetap di JPM serta pegawai-pegawai kanan dari JPM dan MSD.



Pelancaran Buku Rancangan Strategik Jabatan Audit 2019-2024

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Januari. - Buku Rancangan Strategik Jabatan Audit 2019-2024 membarigakan maklumat terkini termasuk visi dan misi Jabatan Audit serta menetapkan perancangan lima tahun Jabatan Audit bermula dari Tahun Kewangan 2019/2020 dalam menangani cabaran masa depan kerja dalam penguatkuasaan. Hadir menyempurnakan

pelancaran Buku Rancangan Strategik Jabatan Audit 2019-2024 yang berlangsung di Jabatan Audit, JPM, Jalan Dewan Majlis ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud. Kehadiran Yang Berhormat Menteri di JPM dialu-alukan oleh Juruaudit Agung, Dato Paduka Awang Haji Yahya bin Haji Idris

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

dan Pemangku Timbalan Juruaudit Agung, Dayang Hajah Hartini binti Haji Abdul Halim. Juga hadir sama ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di JPM, serta pegawai-pegawai kanan dari JPM dan Jabatan Audit.

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa menerima buku Perancangan Strategik Jabatan Audit 2019-2024 daripada Juruaudit Agung, Dato Paduka Awang Haji Yahya bin Haji Idris.

Seorang warga emas diserang buaya



SEEKOR buaya menyerang seorang wanita yang berumur dalam lingkungan 80 tahun di kawasan perairan Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait.

KUALA BELAIT, Selasa, 22 Januari. - Pada 21 Januari 2019, Balai Polis Kuala Belait telah menerima satu laporan berkenaan seorang wanita yang berumur dalam lingkungan 80 tahun telah

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

diserang seekor buaya di kawasan perairan Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait.

Wanita tersebut pada masa ini dalam keadaan stabil dan selamat, kini sedang menjalani rawatan di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

Pada masa ini, siasatan di tempat kejadian sedang dijalankan oleh Pihak Polis dan agensi-agensi yang bertanggungjawab.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin mengingatkan orang awam agar sentiasa mengambil langkah-langkah keselamatan dan berwaspada terutamanya di kawasan-kawasan perairan bagi mengelak sebarang perkara yang tidak diingini berlaku.

PPDB juga ingin mengingatkan kepada orang ramai agar tidak menularkan mana-mana maklumat yang tidak berasas ataupun yang palsu.

MAKLUMAN



ORANG ramai adalah dialu-alukan untuk mendapatkan Kalendar Tahun 2019 terbitan Jabatan Penerangan mulai Rabu, 16 Januari 2019 pada waktu pejabat di :

- Kaunter Unit Sokongan, Bangunan Asal Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas;
- Kaunter Cawangan Penerangan Kuala Belait;
- Kaunter Cawangan Penerangan Tutong; dan
- Kaunter Cawangan Penerangan Temburong.

Jumlah kalendar adalah TERHAD

Peningkatan jenayah komputer, siber ancaman serantau



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam ketika berucap pada Majlis Pembukaan Mesyuarat Kerjasama Latihan ASEANAPOL Ke-9.

Dari muka 1

Untuk mencapai matlamat itu katanya lagi, kita mesti bekerjasama dalam merangka program atau platform yang berharga dan bermanfaat bagi semua Negara Ahli

ASEANAPOL.

"Ini juga boleh dilakukan melalui latihan intensif, perundingan dan perkongsian pengalaman dalam memerangi jenayah. Saya percaya bahawa dengan pengetahuan dan pengalaman yang luas, kita pasti dapat menyumbang secara aktif dalam membuat aspirasi ini menjadi kenyataan," ujarnya.

Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy seterusnya menambah, kita juga harus menjalin kerjasama bersama organisasi-organisasi antarabangsa, sama ada kerajaan mahupun bukan kerajaan untuk kerjasama latihan-latihan yang relevan.

Penglibatan dan sumbangan daripada organisasi-organisasi itu terutamanya dari Rakan-Rakan Dialog dan Pemerhati sentiasa menjadi pemacu utama dalam perkembangan Pasukan Polis di rantau ini.

Terdahulu Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy menyatakan, semasa Persidangan ASEANAPOL Ke-38 yang diadakan di Negara Brunei Darussalam tahun lepas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menekankan mengenai pentingnya mewujudkan dan mengekalkan kerjasama yang erat di kalangan negara anggota ASEANAPOL, Rakan Dialog, Pemerhati serta organisasi antarabangsa dan agensi penguatkuasaan undang-undang untuk memerangi jenayah yang datang dari luar rantau ini dan secara global.

Oleh itu tambahnya, adalah penting bahawa ASEANAPOL terus menjalin kerjasama ini dan mempromosikan persahabatan yang berterusan dengan rakan-rakan strategik dalam usaha mengekalkan keamanan dan kestabilan sub serantau, rantau dan antarabangsa.

Pada persidangan yang sama, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy menekankan keperluan untuk menggunakan mekanisme sedia ada seperti Electronic ASEANAPOL Database System 2.0 (e-ADS) untuk meningkatkan kerjasama serantau melalui perkongsian maklumat, keupayaan dan

Berita dan Foto: Saerah Haji Abdul Ghani



ANTARA yang hadir pada Majlis Pembukaan Mesyuarat Kerjasama Latihan ASEANAPOL Ke-9.

pembinaan keupayaan, dan pengambilan pelbagai saluran yang telah dipersetujui.

Mesyuarat Kerjasama Latihan ASEANAPOL Ke-9 dihadiri oleh ahli-ahli anggota ASEANAPOL selama dua hari yang membincangkan

keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang transnasional.

Ini akan membolehkan Ahli-ahli ASEANAPOL untuk berkongsi amalan terbaik, trend jenayah, di samping meningkatkan kerja sama dalam bidang operasi dan pembangunan kapasiti.

Kunjungilah Bazar Amal Muhibbah 1.1 anjuran MPK Kilanas

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Januari. - Penglibatan para usahawan tempatan dalam Bazar Amal Muhibbah 1.1 memberi peluang Majlis-majlis Perundingan Kampung di negara ini memasarkan produk barangan dan jenama mereka kepada orang ramai.

Bazar Amal Muhibbah 1.1 anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kilanas dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) yang diadakan selama empat hari bermula kemarin, 21 Januari di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Orang ramai adalah dialu-alukan bagi mengunjungi bazar yang dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang.

Antara yang menyertai bazar tersebut ialah Pengusaha-pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) bersama dengan Majlis-majlis Perundingan Kampung dari empat-empat daerah iaitu Daerah Brunei dan Muara, Tutong, Temburong dan Belait.

Menurut Dayang Hajah Saleha binti Haji Sulaiman dari MPK Bukit Beruang dan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang semasa ditemui menjelaskan produk-produk yang dihasilkan oleh Biro Wanita MPK Bukit Beruang dan RPN Bukit Beruang adalah produk makanan seperti biskut kueh mor, popia dan keropak.

Jelasnya, MPK Bukit Beruang dan RPN Bukit Beruang sering menyertai bazar amal tersebut bagi memamerkan hasil produk mereka kepada orang ramai.

Manakala bagi Dayang Hajah Fatimah binti Haji Nawati dari MPK



HAJAH Fatimah binti Haji Nawati ketika mempromosikan produk makanan daripada Majlis Perundingan Kampung (MPK) Batu Apoi (kiri). Sementara gambar kanan, Hajah Saleha binti Haji Sulaiman (kanan) ketika memperkenalkan produk-produk yang dihasilkan oleh Biro Wanita MPK Bukit Beruang dan RPN Bukit Beruang.

Batu Apoi pula menjelaskan, MPK mereka mengasaskan produk dari Ambulong dan divariasikan kepada produk makanan seperti kueh sapit, biskut ambulong dan sebagainya.

Tujuan bazaar tersebut diadakan bagi mengutip dana untuk Tabung MPK Kilanas, yang mana sebanyak 10 peratus daripada hasil sewa penyertaan akan disalurkan kepada Tabung Kebajikan JDBM, di samping memberi peluang kepada orang ramai untuk membeli-belah sambil menderma menerusi bazar berkenaan.

SUASANA Bazar Amal Muhibbah 1.1 yang diadakan selama empat hari yang berlangsung di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.





11TH ASEAN-JAPAN COUNTER-TERRORISM (AJCT) DIALOGUE
21 - 22 JANUARY 2019 | BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM



Negara tuan rumah AJCT kali ke-11

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Darussalam menjadi Tuan Rumah Isnin, 21 Januari. - Negara Brunei kepada Dialog ASEAN-Japan

Counter Terrorism (AJCT) Kali Ke-11 bermula pada Isnin, 21 Januari sehingga 22 Januari ini yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Dialog AJCT Kali Ke-11 dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan

dan Penguatkuasaan), Jabatan Perdana Menteri, Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhamad Sazali bin Pengiran Haji Yakob dan Duta bertanggungjawab bagi Kerjasama Antarabangsa dalam Menangani Penganasan dan Jenayah Terancang Antarabangsa, Jepun, Tuan Yang Terutama Eiji Yamamoto.


Dialog AJCT dilancarkan pada 2006 sebagai forum bagi perkongsian pandangan situasi pada masa ini mengenai isu penganasan dan membincangkan

projek-projek yang dibiayai di bawah Japan-ASEAN Integration Fund (JAIF) yang menyumbang kepada usaha menentang penganasan di peringkat serantau.

JAIF bertujuan untuk menyokong usaha-usaha integrasi dalam membentuk Komuniti ASEAN bagi memudahkan pelaksanaan ASEAN 2025 termasuk meningkatkan kerjasama antara ASEAN dan Jepun.

Dialog AJCT juga merupakan platform bagi negara-negara ahli ASEAN dan Jepun untuk berkongsi maklumat, *best practices* dan pengalaman dalam memerangi penganasan di rantau Asia Tenggara serta meningkatkan kerjasama di antara negara-negara ahli ASEAN dan Jepun khususnya di kalangan agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan.

Dialog AJCT Kali Ke-11 dihadiri oleh wakil-wakil dari negara-negara ASEAN, Jepun dan Sekretariat ASEAN.



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan), Jabatan Perdana Menteri, Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhamad Sazali bin Pengiran Haji Yakob bergambar ramai dengan delegasi dari negara-negara ASEAN, Jepun dan Sekretariat ASEAN (gambar atas). Sementara gambar kiri, Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhamad Sazali (dua, kiri) semasa mempengerusikan Dialog AJCT Kali Ke-11.

Keputusan BC G.C.E. 'AS', 'A' Level Oktober / November 2018

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan telah mengeluarkan keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. 'AS' dan 'A' Level Oktober/November 2018.

Daripada 1,713 calon yang menduduki peperiksaan tersebut, seramai 1,608 atau 93.87 peratus mendapat sekurang-kurangnya 1 'A' level.

Pencapaian ini meningkat 0.65 peratus daripada keputusan peperiksaan tahun 2017.

Pada keseluruhannya peratus calon yang memperolehi sekurang-kurangnya dua 'A' level adalah 85.99 peratus dengan

peningkatan sebanyak 3.86 peratus yang mana pencapaian calon sekolah adalah 91.32 peratus dengan peningkatan 4.01 peratus.

Seramai 1,201 calon atau 70.11 peratus mendapat sekurang-kurangnya tiga 'A' level.

Pencapaian ini meningkat 5.21 peratus daripada tahun 2017. Pencapaian calon sekolah adalah 75.55 peratus dengan peningkatan 5.49 peratus.

Pada keseluruhannya 191 calon atau 11.15 peratus berjaya mencapai gred 'A' dalam dua hingga empat mata pelajaran. Pencapaian ini meningkat sebanyak 1.74 peratus berbanding tahun 2017.

Pada keseluruhannya 15 mata pelajaran menunjukkan peningkatan di antara 0.01 peratus dan 43.07 peratus daripada pencapaian calon pada tahun 2017. Mata-mata pelajaran tersebut ialah Hafaz Al-Quran, Syariah, Bahasa Melayu, Travel & Tourism, History, Thinking Skills, Business, Information Technology, Literature in English, Geography, Chemistry, Physics, Accounting, Economics dan Mathematics.

Manakala tiga mata pelajaran menunjukkan pencapaian yang sama seperti pencapaian tahun 2017, 100 peratus bagi mata pelajaran Further Mathematics, Physical Education dan Design and Technology.

Daripada 1,199 calon yang menduduki peperiksaan AS level, 1,129 calon atau 94.16 peratus

telah berjaya memperolehi sekurang-kurangnya satu mata pelajaran. Seramai 765 calon atau 63.80 peratus telah memperolehi sekurang-kurangnya dua mata pelajaran standard 'AS' level.

Pada keseluruhannya 88 calon atau 7.42 peratus berjaya mencapai gred 'A' dalam sekurang-kurangnya dua mata pelajaran.

Dimaklumkan juga kepada penuntut-penuntut yang mengambil peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing.

Manakala calon-calon persendirian dikehendaki mengambil slip keputusan mereka di Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

Mana-mana calon yang

berhasrat untuk memperbaiki pencapaian keputusan peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'AS' dan 'A' Level, pendaftaran bagi bulan Mei/Jun Tahun 2019 masih dibukakan dan tarikh tutup pendaftaran ialah pada Khamis, 14 Februari 2019. Calon-calon juga hendaklah mengambil perhatian tarikh tutup pendaftaran bagi penuntut yang mendaftar di sekolah hendaklah merujuk kepada guru sekolah masing-masing.

Maklumat lanjut bagi pendaftaran peperiksaan bagi bulan Mei/Jun Tahun 2019 bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau datang terus ke Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

Sambutan Hari Antarabangsa UNISSA



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (enam, kiri) bergambar ramai bersama mahasiswa-mahasiswi UNISSA pada Sambutan Hari Antarabangsa UNISSA.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Para Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah mengendalikan majlis Sambutan Hari Antarabangsa UNISSA buat kali pertama Sabtu lepas, 19 Januari 2019.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Auditorium UNISSA di sini ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal. Majlis turut dihadiri oleh para Pegawai Utama, Pensyarah, kakitangan, mahasiswa dan mahasiswi Tahun 1, serta para pelajar antarabangsa.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh Exco Unit Keagamaan dan Kerohanian universiti berkenaan, Awang Ahmad Shafiee bin Aim diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Exco Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Farisa Sokry selaku Pengerusi Majlis.

Majlis diteruskan dengan sesi perkongsian bersama para pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di UNISSA, terdiri daripada Syazana binti Hussain dari Republik Singapura; Suleiman Ali Hamad dari Tanzania dan Ahmed Mohammed Alhaj Ahmed dari Palestin sementara Afiq Zikry bin Zulkifli daripada

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

Republik Singapura dipilih selaku moderator sesi perkongsian tersebut.

Majlis dimeriahkan dengan persembahan 'Choral Speaking' daripada para mahasiswi dari Thailand.

Antara tujuan majlis diadakan ialah untuk mengeratkan silaturahim di antara warga UNISSA dengan para pelajar antarabangsa daripada luar negara iaitu Malaysia, Republik Singapura, Bangladesh, Republik Indonesia, Thailand, Palestin, Tajikistan, Dagestan dan Kemboja.

Di samping itu majlis ini juga dihasratkan untuk memberi peluang kepada para mahasiswa dan mahasiswi daripada negara antarabangsa untuk memperkenalkan keunikan bangsa, adat dan tradisi daripada negara masing-masing.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang diketuai oleh Exco Unit Keagamaan dan Kerohanian, Ahmad Shafiee bin Aim dan sesi bergambar ramai.

Empat produk kosmetik dicemari bahan terlarang

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Januari. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan empat produk kosmetik.

Ini berikutan hasil dari ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Makmal Sainifik, Kementerian Kesihatan mendapati bahawa produk-produk

tersebut dicemari dengan bahan terlarang yang tidak diisytiharkan. Produk berkenaan adalah JELITA FARRA SERLAH KEJELITAANMU Skincare 5 in 1 - Day Cream, dicemari dengan Merkuri, JELITA FARRA SERLAH KEJELITAANMU Skincare 5 in 1 - Cream Treatment yang mengandungi Tretinoin, JELITA FARRA SERLAH

KEJELITAANMU Skincare 5 in 1 - Cream Herbal juga mengandungi Merkuri di mana kesemua produk JELITA FARRA SERLAH KEJELITAANMU Skincare ini dikilangkan di Malaysia sementara L'ABEAUTY Set Jeragat - Pigment Booster Night Cream tidak dinyatakan pengilangnya tetapi turut dicemari dengan bahan Merkuri.

Bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Merkuri adalah bahan yang dilarang dalam produk kosmetik seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007.

Penggunaan Merkuri di dalam produk kosmetik adalah dilarang, kerana ia boleh memudaratkan kesihatan. Tahap Merkuri yang tinggi atau pendedahan yang kerap boleh menyebabkan kulit kebas, sakit kepala, ruam, perubahan warna kulit serta kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf. Anak damit dan kanak-kanak kecil boleh terdedah dengan kesan sampingan dari pengguna, yang boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau anak damit yang belum dilahirkan.

Manakala Tretinoin adalah bahan yang digunakan dalam

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi bagi merawat penyakit kulit dan ianya dilarang sebagai bahan di dalam produk kosmetik penjagaan kulit di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik).

Penggunaan Tretinoin tanpa nasihat doktor boleh menyebabkan kulit disapu menjadi kemerahan, mengelupas dan parut pada kulit.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan dan / atau mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk-produk tersebut. Berikutan dapatan ini, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau menggunakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan penggunaannya dengan serta merta. Jika mereka mengalami kesan sampingan dan merasa tidak sihat selepas penggunaan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk-produk tersebut (termasuk penjualan dalam talian seperti melalui Facebook dan

sebagainya) adalah diingatkan bahawa ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Racun 1956 untuk menjual mana-mana produk yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah akta berkenaan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND8,000 atau penjara enam bulan, jika didapati bersalah. Tambahan pula, jika seseorang melakukan sesuatu di atas kecuaiannya sendiri yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, jika didapati bersalah, akan didenda sebanyak BND16,000 dan 12 bulan penjara dan adalah juga diingatkan bahawa ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 untuk mengimport dan memasarkan produk kosmetik di pasaran tempatan tanpa Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa di Kementerian Kesihatan dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000 dan penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Komplains dan Pelesenan jika mendapati produk-produk berkenaan masih di pasarkan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplains dan Pelesenan melalui talian telefon +673 2393298 sambungan 208; emel kepada pharmacy.enforcement@moh.gov.bn; atau berjumpa terus Pegawai Komplains dan Pelesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'; atau hubungi Talian Darussalam 123.




L'abeauty Set Jeragat - Pigment Booster Night Cream.



JELITA Farra Serlah Kejelitaanmu Skincare 5 in 1 - DAY CREAM.



JELITA Farra Serlah Kejelitaanmu Skincare 5 in 1 - CREAM TREATMENT.



JELITA Farra Serlah Kejelitaanmu Skincare 5 in 1 - Cream Herbal.

Pembubaran, pelantikan AJK Masjid Kampung Batu Marang



AHLI-Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Batu Marang bergambar ramai setelah mengadakan Majlis Pembubaran dan Pelantikan AJKT Baharu bagi masjid tersebut.

Berita dan Foto : Ihsan Haji Mohammad Isa Haji Marsidi

MENTIRI, Isnin, 21 Januari. - Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Batu Marang telah mengadakan Majlis Pembubaran dan Pelantikan AJKT Baharu bagi masjid tersebut baru-baru ini.

Hadir di majlis tersebut ialah Ketua Kampung Batu Marang, Awang Haji Maidin bin Tarip yang juga selaku Penasihat Takmir; Pengiran Haji Merali bin Pengiran Ismail selaku Penasihat Takmir;

Awang Saiful Rizal bin Haji Abd. Ghafar selaku Pengerusi Takmir, AJKT, Ahli Muslimah, Ahli Belia dan Beliawanis dan jemaah serta penduduk kampung dan sekitarnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Takmir.

Beberapa agenda muzakarah

telah disusun dengan rapi mengikut urutan yang telah disediakan.

Dilantik selaku Pengerusi dan Bendahari AJKT yang baharu bagi sesi 2019 - 2021 ialah Awang Saiful Rizal bin Haji Abdul Ghafar; Awang Muhammad Sharine Hadiman bin Sahari dilantik selaku Timbalan Pengerusi 1 dan Pengiran Haji Abd. Kadir bin Pengiran Haji Kamaluddin memegang jawatan Timbalan Pengerusi 2; manakala Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi dilantik selaku Setiausaha; Awang Makhadzir bin Haji Ahmad selaku Timbalan

Setiausaha dan Pengiran Mohamad Samrin bin Pengiran Haji Serudin dilantik selaku Penolong Bendahari.

Sementara itu, beberapa jawatan juga telah diisikan oleh Awang Dulllar Hossain bin Hazi Moynal selaku Penyelia Hal Ehwal Bangunan; Awang Md. Fazrul Ezwan bin Awang Jamudin selaku Penyelia Hal Ehwal Belia; Dayangku Siti Hadizah binti Pengiran Haji Shamsuddin selaku Penyelia Hal Ehwal Beliawanis; Dayang Nur Saidah binti Haji Ali selaku Penyelia Hal Ehwal Muslimah dan dua orang pemeriksa kira-kira

dipegang oleh Awang Saifolezan bin Haji A. Piut dan Awang Muhammad Jeffery bin Haji Abdul Latiff.

Manakala jawatankuasa biasa telah dilantik daripada kalangan yang hadir, iaitu Awang Lamat bin Haji, Awang Md. Zaini bin Haji Ibrahim, Awang Matjais bin Barama, Awang Md. Rafiuddin bin Roslan, Dayang Siti Hawa binti Haji Matomar, Dayang Norhena binti Mohd. Daud, Dayangku Hajah Norhayatini binti Pengiran Haji Puan, Dayangku Hamdiah binti Pengiran Haji Shamsuddin dan Dayang Noroyanti binti Effendi.



MINDA PEMBACA

Asah bakat anak-anak meminati sukan

BERSUKAN merupakan amalan yang sihat dan salah satu unsur yang menjurus kepada kemantapan fizikal dan secara tidak langsung meningkatkan kecerdasan mental. Mendedahkan anak-anak untuk bersukan pada awal usia berpotensi untuk membentuk tabiat yang baik dan membantu mereka mengembangkan kemahiran yang mereka perlukan untuk terus aktif sepanjang hidup mereka.

Ibu bapa adalah penyokong utama untuk memotivasi anak-anak meminati sukan sama ada sukan rekreasi atau kompetitif.

Perkara ini boleh didorong dengan membabitkan diri bersama-sama anak-anak untuk menyertai program seperti Bandarku Ceria yang mana ia menganjurkan aktiviti fizikal seperti berjalan kaki, berbasikal, atau bersenam bersama-sama.

Selain bersukan di kawasan rumah, ibu bapa juga boleh membawa anak-anak untuk bersukan di taman-taman rekreasi. Pihak kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab telahpun berusaha untuk menjaga kebajikan kesihatan rakyat dan penduduk dengan menyediakan

kemudahan-kemudahan yang beraneka untuk aktiviti bersukan seperti gelanggang sukan dan taman rekreasi. Tempat tersebut juga sesuai untuk bersiar-siar dan bersantai kerana pembinaannya menyediakan ruang yang kondusif bagi semua warga terutama sekali bagi anak kecil dan warga emas. Perkara ini dapat dilihat melalui taman yang terbaharu dibina dan telahpun dilancarkan iaitu Taman Mahkota Jubli Emas yang terletak di ibu kota.

Tambahan lagi, kelas-kelas latihan terutama sekali bagi sukan seni pertahanan diri sudah banyak ditawarkan oleh pusat / syarikat swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di negara kita. Kelas tersebut tidak hanya ditawarkan untuk para remaja, ianya juga boleh disertai oleh kanak-kanak. Sukan seni pertahanan diri ini boleh meningkatkan kecergasan dan stamina dan ia amat berguna untuk

keselamatan diri.

Selain itu, semestinya minat terhadap sukan juga dapat diasah melalui pendidikan jasmani dan kelab sukan di sekolah. Kewajipan guru sukan bukan sahaja untuk mengajar bersukan, malah mereka juga perlu memantau prestasi pelajar melalui ujian pendidikan jasmani dan memastikan ianya mencapai keperluan fizikal pelajar tersebut.

Akhir kata, jika anak-anak tidak dimotivasi dan didorong untuk meminati sukan, kita mungkin akan ketandusan ramai ahli sukan yang berbakat. Oleh itu, bakat minat sukan pada anak-anak perlu diasah dan jangan dipinggirkan.

Nama: Siti Nurul Aqilah binti Alwi
No. K/P : 01-083564 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesan-Kesan Amalan Makan Makanan Segera'. Tarikh Tutup : 23 Januari 2019.
2. 'Solat Mencegah Perbuatan Keji dan Mungkar'. Tarikh Tutup : 30 Januari 2019.
3. 'Semai Akhlak Mulia Dalam Kehidupan Sehari-hari'. Tarikh Tutup : 6 Februari 2019

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
Setiap Minggu

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Anak yang tidak ada hak waris

KELUARAN PERTAMA

PERIHAL perwarisan dan harta pusaka sabit disyariatkan di dalam Islam. Terdapat lapan ayat Al-Quran yang menyebutkan mengenai perwarisan dan harta pusaka. Satu daripada ayat-ayat tersebut ialah firman Allah Subhanahu Wata'ala:

Tafsirnya: "Untuk orang-orang lelaki ada bahagian pusaka daripada harta peninggalan ibu bapa dan kerabat-kerabat dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka daripada harta peninggalan ibu bapa dan kerabat-kerabat sama ada sedikit atau banyak iaitu menurut bahagian yang telah ditetapkan (oleh Allah)."

(Surah an-Nisa': 7)

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menyebutkan mengenai perwarisan dan harta pusaka di dalam beberapa hadits Baginda, antaranya yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

Maksudnya: "Berikan bahagian harta pusaka yang tertentu kepada ahli yang berhak. Kemudian bakinya adalah untuk yang lebih utama daripada kalangan lelaki (yang dekat daripada nasab lelaki)." (Hadits riwayat al-Bukhari)

Sementara itu, para sahabat Radhiallahu 'anhum dan para tabi'in Rahimahumullah Ta'ala telah ijma' (sepakat) akan penyariatian perwarisan dan harta pusaka di dalam Islam.

Harta pusaka atau disebut juga harta warisan ialah apa yang ditinggalkan oleh seseorang selepas kematiannya. Dalam Islam, hak waris bermula apabila kematian seseorang telah dipastikan dan hak-hak yang berkaitan dengan harta pusaka telah dilaksanakan. Hak-hak yang diwajibkan daripada harta pusaka itu ialah melaksanakan pengurusan jenazah si mati dengan cara yang berpatutan, membayar hutang piutang si mati sama ada hutangnya dengan manusia atau dengan Allah Subhanahu Wata'ala seperti zakat, haji, nazar dan kaffarah. Setelah kedua perkara tersebut dilaksanakan, hak yang diwajibkan daripada harta pusaka seterusnya ialah melaksanakan wasiat si mati dengan syarat tidak melebihi kadar 1/3 daripada harta pusaka itu dan bukan untuk ahli warisnya. Dan akhir sekali ialah pembahagian harta pusaka kepada ahli waris yang berhak.

Perwarisan anak daripada harta pusaka ibu dan bapa

Wujudnya waris merupakan salah satu rukun dalam perwarisan harta pusaka.

Waris ialah orang yang masih hidup yang berhak menerima pindah milik harta pusaka daripada si mati, ataupun berhak menerima sebahagian hartanya apabila wujud salah satu daripada sebab-sebab perwarisan.

Selain ikatan pernikahan, seseorang itu berhak mewarisi harta pusaka disebabkan pertalian nasab atau hubungan kekeluargaan yang hakiki. Yang dimaksudkan dengan nasab atau hubungan kekeluargaan yang hakiki dalam konteks perwarisan ialah adanya pertalian darah dan rahim (peranakan) atau adanya pertalian keturunan (darah daging) yang menghubungkan waris dengan si mati.

Anak adalah termasuk di dalam golongan waris yang berhak menerima harta pusaka disebabkan pertalian nasab atau hubungan kekeluargaan.

Dalam pembahagian harta pusaka menurut *fara'idh*, anak lelaki adalah penerima 'ashabah. 'Ashabah dari segi istilah fiqh ialah setiap waris yang tidak ditentukan baginya kadar bahagian harta pusaka. Dia berhak menerima semua harta jika tidak ada waris lain yang berhak atau menerima baki harta yang telah dibahagikan terlebih dahulu kepada *ashhab al-furudh* (golongan waris yang menerima harta pusaka yang telah ditentukan kadarnya).

Anak lelaki sama ada seorang, dua orang atau lebih adalah berhak menerima semua harta pusaka jika dalam keadaan bersendirian iaitu tidak ada waris lain yang berhak. Harta pusaka dibahagikan sama rata jika terdapat dua atau lebih anak lelaki dalam keadaan tidak ada waris lain yang berhak. Jika si mati juga mempunyai anak perempuan, maka anak lelaki menerima dua bahagian dan anak perempuan menerima satu bahagian sahaja daripada harta pusaka tersebut. Ini berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala:

Tafsirnya: "Allah memerintahkan kamu dalam hal (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu. Bahagian untuk seorang anak laki-laki menyamai bahagian dua orang anak perempuan."

(Surah an-Nisa': 11)

Sementara itu, anak perempuan pula menerima harta pusaka dengan cara *fardh* jika si mati tidak ada anak lelaki. *Fardh* atau *furudh* ialah bahagian yang ditentukan kadarnya yang Allah Subhanahu Wata'ala wajibkan bagi ahli waris daripada harta pusaka.

Kadar yang ditentukan bagi anak perempuan tunggal ialah 1/2 daripada harta pusaka jika si mati tidak mempunyai anak lelaki atau anak perempuan lain. Jika si mati mempunyai dua anak perempuan atau

lebih dan tidak mempunyai anak lelaki, maka kadar yang ditentukan bagi setiap anak perempuan itu ialah 2/3 daripada harta pusaka.

Kadar bahagian ini adalah sebagaimana yang ditentukan Allah Subhanahu Wata'ala di dalam firmanNya:

Tafsirnya: "Tetapi jika anak-anak perempuan sahaja lebih daripada dua orang maka bahagian mereka ialah dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan. Dan jika seorang anak perempuan sahaja maka bahagiannya ialah seperdua (separuh) daripada harta itu."

(Surah an-Nisa': 11)

Jika si mati mempunyai anak lelaki, maka anak perempuan akan menerima harta pusaka dengan cara *'ashabah* iaitu anak perempuan menerima satu bahagian daripada baki harta yang telah dibahagikan kepada *ashhabul furudh* dan anak lelaki menerima dua bahagian daripada baki harta tersebut sebagaimana yang telah dijelaskan.


Siapakah anak yang tidak ada hak waris terhadap harta pusaka ibu atau bapanya?

Sebagai antara insan yang paling dekat, anak adalah penerima yang dirasakan berhak untuk menerima harta pusaka apabila bapa atau ibunya meninggal dunia. Sungguhpun demikian, tidak semua anak termasuk dalam kalangan ahli waris yang dimaksudkan syara' dan seterusnya berhak menerima harta pusaka ibu atau bapanya. Selain itu, tidak semua anak yang pada sepatutnya dari kalangan ahli waris, boleh menerima harta pusaka ibu atau bapanya. Siapakah anak yang tidak boleh mewarisi harta pusaka itu?

Antara anak yang tidak mewarisi harta pusaka ialah:

1. Anak tiri

Anak tiri ialah anak kepada isteri daripada perkahwinannya yang terdahulu atau anak kepada suami daripada perkahwinannya yang terdahulu. Apabila seorang lelaki bernikah dengan seorang perempuan yang mempunyai anak hasil daripada perkahwinannya terdahulu, maka anak itu menjadi anak tiri kepada lelaki tersebut dan dia pula menjadi bapa tiri anak itu. Demikian juga dalam keadaan sebaliknya seorang perempuan menjadi ibu tiri kepada anak suami dengan isterinya yang dahulu dan anak itu adalah anak tiri perempuan tersebut. Dari segi hubungan haram bernikah, anak perempuan adalah mahram kepada bapa tirinya dengan syarat berlaku persetujuan di antara ibu kandungnya dan bapa tirinya. Begitu juga, anak lelaki adalah mahram kepada ibu tirinya dengan syarat berlaku persetujuan di antara bapa kandungnya dan ibu



IRSYAD HUKUM

جانب من في كل جانب
بجانب من في كل جانب

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

tirinya.

Walau bagaimanapun dalam perkara waris, hubungan mahram ini tidak menyebabkan anak tiri itu berhak menjadi ahli waris kepada bapa atau ibu tirinya. Ini adalah kerana suatu perwarisan itu hanya berlaku disebabkan oleh adanya hubungan nasab dan pertalian darah dengan si mati, atau disebabkan pernikahan yang sah dengan si mati, atau disebabkan hubungan *wala'* iaitu apabila si mati adalah hamba yang dimerdekakan, atau disebabkan oleh agama Islam iaitu apabila si mati tidak mempunyai seorang pun ahli waris dan harta pusaka itu diserahkan kepada Baitul Mal untuk kemaslahatan orang-orang Islam.

2. Anak susuan

Apabila seorang ibu menyusukan anak damit orang lain (*ajnabi*) dan sah penyusuannya di sisi syara', maka wujud hubungan susuan di antara anak yang disusukan dengan ibu dan keluarga ibu yang menyusukan. Anak yang disusukan menjadi anak susuan kepada ibu yang menyusukan dan suami ibu yang menyusukan. Oleh kerana itu, berlaku ke atas hubungan susuan itu sebagaimana hubungan nasab dalam dua aspek hukum iaitu hukum haram nikah dan hukum sabit halal dari segi pandangan aurat dan khalwat. Oleh sebab itu, tidak batal wudhu' jika bersentuhan disebabkan hubungan susuan.

Akan tetapi, tidak sabit hak perwarisan dengan sebab wujudnya hubungan susuan. Anak susuan tidak termasuk dalam ahli waris dan dia tidak boleh menerima harta pusaka ibu atau bapa susuannya. Ini kerana hukum hakam perwarisan adalah khusus disebabkan nasab bukan disebabkan susuan.

Muhasabahkan diri sempena tahun baharu Masihi

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولأن قومة دعوه اسلاميه

DAN demi sesungguhnya Kami telah membuat dalam al-Quran ini berbagai-bagai perumpamaan bagi manusia supaya mereka mengambil peringatan.

(Surah az-Zumar ayat 27)

Tahun masihi 2019 baru sahaja bermula dan akan mengisi kisah suka dan duka sepanjang tahun ini, maka hendaklah kita memulakan dengan niat yang positif dan muhasabahkan diri untuk menempuh dua belas bulan ke hadapan dengan taqwa dan keimanan yang meningkat dalam diri sendiri. Al-Quran telah ditinggalkan untuk panduan sepanjang zaman kepada umat

Islam walaupun tahun demi tahun silih berganti namun Al-Quran merupakan rujukan yang abadi.

"(Al-Quran) ini ialah penerangan bagi manusia dan menjadi petunjuk serta pengajaran bagi orang-orang yang bertaqwa."

(Surah Ali'-Imran ayat 138)

Setiap kali menjelang tahun baharu Masihi, perasaan untuk ubah diri sendiri dengan tabiat dan gaya hidup baharu memang lebih mengujakan. Masa beginilah yang sering kali didengar pelbagai perancangan dan azam. Lazimnya, kita cenderung memilih dan ingin membuat perubahan diri kepada yang lebih baik, inilah sewajarnya di pupuk di sepanjang masa dan bukan hanya sekadar azam di tahun baharu. Berazam untuk memperbaiki diri itu adalah niat yang sangat bagus. Bersyukur kita bahawa kita masih diberi kesempatan untuk bertemu dengan tahun yang baharu sehingga kita mampu untuk memperbaiki diri sendiri.

Orang yang sentiasa bermuhasabah akan sentiasa menginsafi kesalahan dan kekurangan lantas melakukan perubahan ke arah kebaikan. Secara tidak langsung apabila seseorang merasakan kelemahan dirinya, pasti dia akan cuba merangka strategi memperbaiki diri. Ini hanya boleh dilakukan dengan menjauhkan perasaan ego dan sombong dalam diri. Jika fikiran, perasaan dan minda dikuasai perasaan bahawa dirinya baik tanpa kekurangan, maka selama itulah tiada perubahan yang dapat dilakukan ke arah memperbaiki diri yang lebih sempurna. Maka, apabila semua kaedah ini dilaksanakan dengan baik, insyaaAllah azam yang tersemat di hati, yang dipasak kukuh di sanubari di awal tahun pasti akan menjanjikan kejayaan dan terlaksana dengan izin Yang Maha Esa.

Masa lalu yang ditinggalkan adalah sejarah dan hari esok merupakan harapan dan, selamat datang tahun baru masihi 2019

semoga tahun ini akan memberikan kerahmatan dan kebahagiaan kepada kita untuk dunia dan ukhrawi. segala peristiwa sepanjang tahun 2018 lalu menyuntik motivasi buat kita untuk meneruskan impian serta azam kecemerlangan dalam tahun 2019 ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengampuni dosa-dosa kita dan memberkati segala amalan kebaikan kita serta mengurniakan kekuatan iman yang berterusan untuk kita di tahun baharu ini. Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah al-Mu'min ayat 40:

"Sesiapa yang melakukan kejahatan maka dia tidak akan dibalas melainkan seimbang dengan (kejahatan) nya dan sesiapa yang mengerjakan amalan salih sama ada laki-laki atau perempuan sedang dia orang yang beriman maka mereka itu akan masuk syurga, di dalamnya mereka dikurniakan rezeki tanpa batasan."

**SELAMAT TAHUN BAHARU
MASIHI 2019**



Apa Pendapat Biskita?

Penglibatan belia di pelbagai seni isi masa lapang terluang

KITA sering mendengar kata-kata pujangga, "Jika hendak melihat masa hadapan negara, lihatlah belianya pada hari ini" kata-kata ini mempunyai nilai signifikan yang cukup besar mengenai peranan belia dalam memajukan dan membangunkan negara, di samping menceritakan betapa besarnya harapan rakyat serta negara terhadap peranan dan sumbangan golongan ini.

Jadi tidak hairanlah apabila segala tindak tanduk dan tingkah laku golongan belia sering menarik perhatian kita serta menjadi topik perbualan masyarakat.

Dalam konteks ini, timbul persoalan apakah generasi muda pada hari ini sedar mengenai harapan diletakkan di bahu mereka itu, sekali gus bersedia memikul tanggungjawab diharapkan kerana kita turut bimbang jika belia masa depan ini akan terus hanyut dengan pelbagai masalah sosial dan jenayah apatah lagi bila mereka sudah mula melibatkan diri mereka dengan aktiviti-aktiviti negatif yang menjerumus mereka kepada aktiviti-aktiviti yang kurang sihat dan merosakkan masa depan mereka. Oleh itu kita harus dan sentiasa memata-matai segala aktiviti yang diikuti atau dilakukan oleh para belia kita dan ini seharusnya bermula dari pemerhatian kedua ibu bapa, keluarga dan guru-guru.

Namun jika para belia kita tahu menilai baik dan buruk bagi mereka sudah pasti ianya dapat menghindar mereka dari segala situasi yang tidak sihat. Jika mereka melibatkan diri dalam aktiviti yang berfaedah sudah tentunya akan memberikan impak serta imbalan yang berbaloi kepada mereka sendiri, misalnya dengan melibatkan diri didalam bidang seni. Seperti yang kita tahu seni bukan hanya tertumpu kepada nyanyian, tarian atau musik sahaja bahkan seni begitu meluas pengertiannya, seperti menjadi seorang pelukis, pereka pakaian, membuat kraf tangan dan banyak lagi di mana semua ini boleh mendatangkan imbalan yang berguna sekali gus membantu dalam membangunkan ekonomi negara.

Kali ini, Apa Pendapat Biskita meninjau pendapat masyarakat mengenai penglibatan belia dalam seni.

"Bagi pendapat saya, penglibatan belia di dalam bidang seni adalah satu aktiviti yang berguna dan sihat apatah lagi jika ianya memang sesuatu atau hobi mereka sendiri, kadangkala satu-satu hobi yang berunsurkan seni itu boleh membangun minda dan kreativiti seseorang belia tersebut, misalnya belia yang memang berminat dalam bidang lukisan seni bina kerana ini merupakan satu hobi yang berguna dan jika ianya dipraktikkan atau didalami lagi sudah tentunya ianya boleh menjadikan satu hobi yang mendatangkan keberhasilan dari segi kewangan bahkan satu masa nanti seorang tersebut mampu untuk menjadi arkitek yang disahkan. Bahkan melibatkan diri dalam bidang seni bina ini tidak semestinya dengan melukis bentuk-bentuk bangunan tetapi juga meliputi seni bina lestari, hartanah, sketsa lukisan bengkel dan reka bentuk dalaman bahkan hobi seperti ini atau penglibatan belia dalam bidang seni seperti ini tidak merugikan malahan ianya menguntungkan untuk masa hadapannya." - **Azmi Mohd. HR**

"Dewasa ini kita sudah banyak melihat para belia tempatan kita menceburkan diri dalam pelbagai bidang seni, baik bidang nyanyian, lakonan, musik dan sebagainya dan ini memperlihatkan satu tanda yang positif, di samping membantu belia kita mengisi masa lapang mereka dengan sesuatu yang berfaedah juga menguntungkan. Seperti bidang nyanyian di mana sekarang ini sudah banyak belia-belia kita yang mampu mencipta nama diluar sana, contoh seperti Aziz Harun, Jazz Hayat, dan banyak lagi yang mana mereka ini bukan sahaja masih muda malahan sudah mampu untuk membawa nama Negara kita Brunei Darussalam ke mata Negara luar, walaupun hakikatnya di Negara kita sendiri bidang seni seperti nyanyian atau lakonan tidaklah begitu memberangsangkan atau begitu gah dibandingkan negara luar yang menjadikan bidang seni seperti ini satu pendapatan lumayan dan karier tetap mereka namun kita merasa amat berbangga kerana ada juga belia kita yang mampu untuk membawa nama baik di mata luar." - **Cal Is. Mata-Mata**

"Belia dan Seni... Satu penglibatan yang memang berfaedah apatah lagi jika mereka ini lebih melibatkan diri mereka dalam bidang musik tradisional yang kita rasakan kian pupus ditelan zaman, dengan adanya penglibatan belia dalam industri musik atau permainan musik tradisional seperti guling tangan ianya satu penghormatan bagi belia-belia kita kerana mempunyai minat dalam memartabatkan permainan musik tradisional yang turun temurun ini. Cuma apa yang perlu adalah kesungguhan mereka dan pendedahan daripada pihak-pihak tertentu didalam menyuntik semangat belia-belia kitani untuk menceburkan diri mereka dalam permainan musik tradisional ini dan salah satunya ialah dengan menyerapkan aktiviti ini sebagai salah satu subjek atau aktiviti sampingan di sekolah-sekolah." - **AH.Razzi**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Kebaikan dan keburukan penggunaan Facebook
- ii. Makanan tradisi dan moden.



Kenali Bahasa Brunei

bakunyanyang bermaksud bercakap-cakap dengan tidak tentu tujuan.
Contoh pemakaian kata: adang luan **bakunyanyang** ani, mambuat karaja ada pulang asilnya.

kunyam-kunyam bermaksud mengunyah makanan dengan tidak henti-henti.
Contoh pemakaian kata: sambilnya maliat urang main bula, **kunyam-kunyam** ia makan kacang.

mangurah-ngurahi bermaksud mencuci atau membersihkan pinggan mangkuk dengan air, biasanya bagi kali kedua atau seterusnya untuk menghilangkan sabun cuci atau habuk.
Contoh pemakaian kata: Si Dayang **mangurah-ngurahi** galas, baabuk batak bataruh dalam lamari, kan dipakai malam ani.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG SENGGURONG 'A'



Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

UDANG REBUS

BAHAN-BAHANNYA :
Udang
3 ulas bawang merah
(tumbuk)
1 ulas bawang putih (tumbuk)
4 ulas cili padi (hiris)
Sebatang serai (ketuk)
1 keping asam keping

Garam secukup rasa
Sedikit serbuk perasa / gula
CARA-CARA MEMBUATNYA :
Didihkan air dalam periuk,
kemudian masukkan serai,
bahan-bahan yang telah

ditumbuk dan asam keping.
Masukkan cili padi. Apabila
bahan-bahan mendidih, baru
masukkan udang, garam dan
serbuk perasa atau gula.
Didihkan sebentar sahaja.
Tutupkan api dan sedia untuk
dihidangkan.

Pelajar MDPMAMB lawat Telaga Mandian Tujuh Puteri



ROMBONGAN para pensyarah dan pelajar Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong semasa membuat lawatan sambil belajar ke Telaga Mandian Tujuh Puteri di Kampung Tanjong Maya, Tutong.

Berita dan Foto : Ihsan Nurul Naizrah Sha'ari

TUTONG, Isnin, 21 Januari. - Rombongan seramai 19 orang terdiri daripada 12 pelajar dan tujuh pensyarah Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (MDPMAMB), Gadong mengadakan lawatan sambil belajar ke Telaga Mandian Tujuh

Puteri di Kampung Tanjong Maya, Tutong baru-baru ini.

Rombongan disambut oleh Pengurus Galeri Mandian Puteri, Awang Sha'ari bin Haji Zunaidi dan kemudiannya diberikan taklimat mengenai galeri berkenaan disampaikan oleh

Dayang Nursya'ahidah binti Sha'ari.

Lawatan tersebut dikendalikan dan dipimpin oleh lima pelajar MDPMAMB yang mengambil jurusan Travel and Tourism di maktab tersebut.

Peranan pengendali selaku pelajar Travel and Tourism membawa rakan-rakan ke destinasi tersebut sebagai tempat tarikan pelancongan dan

pendedahan kepada semua lapisan masyarakat yang belum mengetahuinya. Dengan adanya lawatan ini juga dapat memenuhi kriteria-kriteria selaku pengendali pelancong yang dikehendaki sebagai pendedahan awal dalam mempelajari pengurusan agensi pelancongan.

Objektif lawatan tersebut ialah bagi memperkenalkan Tujuh Telaga Mandian sebagai sebuah

tempat khazanah dan kesan peninggalan sejarah bagi Negara Brunei Darussalam, sekali gus memberi pendedahan dan menimba ilmu pengetahuan kepada generasi belia pada masa kini, kerana majoriti daripada pelajar-pelajar yang mengikuti rombongan ini belum mengetahui tentang adanya Tujuh Telaga Mandian di Daerah Tutong.



ROKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN

KANDUNGAN ROKOK

Rokok adalah sejenis produk tembakau yang mengandungi 4,000 jenis bahan kimia, 400 jenis bahan beracun dan 40 jenis bahan yang menyebabkan kanser.

Antara bahan-bahan yang terkandung dalam rokok termasuklah :

- **NIKOTIN**
Racun Rumput. Bahan ini sejenis dadah yang menyebabkan ketagihan. Ia juga mempercepatkan denyutan jantung dan tekanan darah.
- **AMONIA**
Pembersih Lantai.
- **ARSENIK**
Racun Serangga.
- **BENZENA**
Pelarut Untuk Pembuatan Bahan Api.
- **HIDROGEN SIANIDA**
Gas Racun merbahaya dan digunakan di dalam fotografi.
- **DDT**
Racun Serangga.
- **ASETON**
Peluntur Toksik.
- **TAR**
Bahan Membina Jalan Raya. Bahan membuat jalan raya. Melapisi dinding paru-paru. Penyebab utama kanser paru-paru dan emfisema (sesak nafas).
- **KADMIUM**
Bahan Bateri Kereta.
- **METHANOL**
Minyak Raket.
- **NAPHTALENA**
Ubat Gagat.
- **KARBON MONOKSIDA**
Gas beracun yang mengurangkan bekalan oksigen di dalam darah. Penyebab utama serangan jantung dan strok.

BERSEDIA UNTUK BERHENTI MEROKOK?

Kunjungi **KLINIK BERHENTI MEROKOK** yang berdekatan dengan awda bagi mendapatkan khidmat kaunseling atau farmakoterapi.

Sumber : Kementerian Kesihatan Maklumat lanjut sila hubungi 123

Pelajar kurang berkemampuan terima bantuan sarapan percuma

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

PENGKALAN BATU, Isnin, 21 Januari. - Atas dasar keprihatinan terhadap kebajikan pelajar-pelajar kurang berkemampuan dari Sekolah Rendah Panchor Murai (SRPM), peserta Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-26 berjaya mengutip derma sebanyak BND20,787 bagi membiayai bantuan sarapan percuma kepada para pelajar berkenaan.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Kutipan Sumbangan Program Bantuan Sarapan bagi pelajar kurang berkemampuan di SRPM berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Pengkalan Batu, Kampung Parit,

di sini.

Guru Besar SRPM, Hajah Suarya binti Haji Ahmad dalam ucapannya berkata, projek bantuan berkenaan difokuskan kepada seramai 22 orang pelajar di bawah Skim Miftahun Najaah.

Bagi memastikan kelancaran program itu jelasnya, pihak penganjur dari Universiti Teknologi Brunei (UTB) yang terdiri daripada ahli Kumpulan 6 EDPMMO telah mengambil inisiatif dengan menjalankan percubaan selama seminggu bagi program tersebut pada bulan Oktober tahun lalu.

Menurutnya, hasil inisiatif itu mendapat sambutan yang menggalakkan dari para pelajar yang terlibat di mana mereka mulai hadir awal ke sekolah,

bersemangat dalam pembelajaran dan menghargai makanan yang diberikan.

Sementara itu, wakil Kumpulan 6 EDPMMO, Hajah Ida Fauzana binti Haji Ibrahim berkata, ahli kumpulan tersebut juga telah menganjurkan taklimat kesedaran mengenai kepentingan sarapan pagi kepada warga sekolah berkenaan pada 25 Oktober lalu di SRPM dengan sokongan pihak sekolah serta kerjasama pihak Kementerian Kesihatan khususnya Pegawai Pemakanan dari Pusat Promosi Kesihatan.

"Di awal program ini dirancang, kami menyasarkan kutipan atau sumbangan bernilai BND9,504 bagi pelaksanaan program selama dua tahun.

Selama tempoh lebih kurang tiga bulan sumbangan ini dibukakan kepada para dermawan serta orang ramai, kumpulan kami telah berjaya mengumpulkan sumbangan sebanyak BND20,787 yang membolehkan program ini untuk dilaksanakan selama empat tahun berturut-turut kepada jumlah pelajar SRPM yang bakal terpilih bagi mendapatkan bantuan ini pada tahun-tahun akan datang," ujar beliau.

Beliau menambah, bagi membolehkan program ini dapat dilaksanakan bermula awal tahun ini, sebanyak BND484 telah diserahkan kepada Guru Besar SRPM pada awal bulan Januari yang lalu.

Majlis disusuli dengan penyerahan sumbangan tersebut yang sebanyak BND20,303 kepada Naib Yang Di-Pertua 1, Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), Hajah Juhana binti Haji Md. Jaya.

Program tersebut merupakan program kemasyarakatan yang



NAIB Yang Di-Pertua 1, Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), Hajah Juhana binti Haji Md. Jaya (kiri) menerima sumbangan daripada wakil Kumpulan 6, EDPMMO.

diungkuhkan oleh lima orang pegawai dari pelbagai agensi kerajaan yang mengikuti Program EDPMMO kali ke-26 yang dikendalikan UTB dengan MKM sebagai pelaksana program.

Salah seorang pelajar yang menyertai program bantuan tersebut, Awang Md. Ikmal Taufiq bin Md. Jeffery berkata, program tersebut membantu beliau untuk lebih fokus semasa sesi pembelajaran dalam bilik darjah.

Sementara itu, Dayang Siti Nurul Aryannie binti Latif berkata, beliau lebih bersemangat untuk

hadir awal ke sekolah selepas mengikuti program berkenaan.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah berusaha menjalankan program ini," katanya kepada Pelita Brunei.

Turut hadir pada majlis tersebut, Penolong Naib Canselor Akademik UTB, Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh; Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kementerian Pendidikan, Hajah Jeriah binti Haji Abdul Rahman dan Ketua Kampung Panchor Murai, Awang Haji Matassan bin Haji Salleh.



ANTARA pelajar Sekolah Rendah Panchor Murai (SRPM) yang menerima bantuan Program Bantuan Sarapan.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (kiri) selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang kuiz.

Siaran Akhbar : Jabatan Perangan

Foto : Azmah Haji Ahad

LAMBAK KIRI, Selasa, 22 Januari. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan hari meneruskan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) di Sekolah Menengah Lambak Kiri (SMLK).

Program RRP yang diadakan di Dewan SMLK itu dihadiri oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan,

Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar selaku tetamu kehormat.

Turut hadir Pengetua Sekolah berkenaan, Dayang Rosmahwati binti Mohammad, Timbalan Pengetua, tenaga pengajar serta penuntut-penuntut Tahun 9 dan 10 sekolah berkenaan.

Seramai 151 penuntut Tahun 9 dan 165 penuntut Tahun 10 menghadiri program yang antara

316 penuntut Tahun 9 dan 10 SMLK hadiri Program RRP, Jabatan Penerangan

lain bertujuan untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya peka dengan perkembangan dan hal ehwal sekeliling mereka, di samping menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial di kalangan remaja, serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya; dan memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif, dan dalam masa yang sama ianya adalah untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terinspirasi.

Antara perisian program termasuklah Taklimat Kenegaraan bertajuk "Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam" yang disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian



SEBAHAGIAN penuntut yang terdiri dari Tahun 9 dan Tahun 10 Sekolah Menengah Lambak Kiri yang hadir pada Program Rakan Remaja Penerangan (RRP).

Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji

Program RRP turut dimuatkan dengan Tayangan Video Klip "Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara" dan

persembahan "Sketsa Drama" bertajuk "Hijrahku".

Selain itu ia juga dimeriahkan dengan persembahan Nyanyian Solo Jabatan Penerangan dan "Tausyeh", Lawak Jenaka dan Kuiz Kenegaraan.



JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

SYARAT-SYARAT PANDUAN DAN
MAKLUMAT TAWARAN SEBUT HARGA

TARIKH TUTUP TAWARAN :

Rabu, 6 Februari 2019
Jam : 2.00 Petang

Para pender yang berhasrat mengikuti tawaran ini adalah disaran untuk merujuk maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
KKBS / OBBD / F-004 (01-2019)

MEMBEKAL, MEMASANG DAN MEMBINA GARAJ BAHARU DI JALAN KEBANGSAAN LAMA, PEJABAT OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)

Tarikh Akhir Mengambil Borang :
22 Januari 2019 (Selasa)

Tarikh Tutup Tawaran :
24 Januari 2019,
jam 2.00 Petang (Khamis)

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. SEBUT HARGA ini adalah dibukakan kepada syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga TINGKAT 1 (LOBI / PENYAMBUK TETAMU) KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
Simpang 336-17
Jalan Kebangsaan, BS8110
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada 24 Januari 2019 (Khamis)

Peti Sebut Harga berwarna Hijau

3. Bayaran sebanyak BND10.00 bagi setiap sebut harga.

(tidak dikembalikan);

4. Kerja-karya yang dilaksanakan adalah seperti tersenarai dalam *Bill of Quantities*.

5. Syarikat / pembekal yang berjaya adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja berkenaan tersebut tidak lewat dari **SATU (1) BULAN** dari tarikh menerima lantikan.

6. Pihak Outward Bound Brunei Darussalam berhak mengurangkan mana-mana kuantiti barang yang tersenarai di dalam *Bill of Quantities*.

7. Syarikat / pembekal berkenaan perlu menghadiri sesi taklimat penerangan berkenaan kerja yang akan dilaksanakan di tempat / kawasan berkenaan pada **Isnin, 21 Januari 2019, jam 9.30 Pagi** yang bertempat di alamat seperti berikut :

PEJABAT OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)
JALAN KEBANGSAAN LAMA
UNIT B 16, SPG. 336-52
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

8. Untuk penerangan lanjut sila hubungi :
PEMBANTU OPERASI KANAN II OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
DI TALIAN : +673 2382970 / +673 2382971 (waktu bekerja)

Para penender yang berhasrat untuk menyertai tawaran adalah disaran mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran atau hubungi Pegawai Operasi seperti yang dinyatakan di atas.



TELEKOM BRUNEI BERHAD

TAWARAN

(1)
RUJUKAN :
TBB / WO / OCT / 2018 / 001
KETERANGAN : **OFFICE PARTITION**
JUMLAH : 1 LOT
TEMPAT :
TELBRU STOR SINARUBAI
JLN. BENGKURONG

(2)
RUJUKAN : - NA -
KETERANGAN :
GUYED MASTS (ANTENNA BESI)
JUMLAH : 1 LOT
TEMPAT :
TELBRU STOR SINARUBAI
JLN. BENGKURONG

(3)
RUJUKAN :
TBB / WO / JULY / 2018 / 001
KETERANGAN :
BARANGAN ELEKTRONIK & KOMPUTER
JUMLAH : 1 LOT
TEMPAT :
TELBRU STOR SINARUBAI
JLN. BENGKURONG

(4)
RUJUKAN : - NA -
KETERANGAN :
KABINTER MSB / ELEKTRIKAL
JUMLAH : 1 LOT
TEMPAT :
TELBRU STOR SINARUBAI
JLN. BENGKURONG

(5)
RUJUKAN : - NA -
KETERANGAN :
AIRCON TERPAKAI (ROSAK)
JUMLAH : 1 LOT
TEMPAT :
TELBRU STOR SINARUBAI
JLN. BENGKURONG

(6)
RUJUKAN : - NA -
KETERANGAN :
BARANGAN RECTIFIER, SDH, ELEKTRONIK & ELEKTRIKAL
JUMLAH : 1 LOT
TEMPAT :
TELBRU STOR M & E
TELHOUSE SUMBILING

(7)
RUJUKAN : - NA -
KETERANGAN :
KABINET MSB / ELEKTRIKAL
JUMLAH : 1 LOT
TEMPAT :
TELBRU MUARA EXCHANGE

(8)
RUJUKAN : - NA -
KETERANGAN :
SPLIT AIRCOND UNIT (ROSAK) & BARANGAN ELEKTRIKAL
JUMLAH : 1 LOT
TEMPAT :
TELBRU BERAKAS EXCHANGE

Syarat-syarat tawaran :

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat, pemborong-pemborong atau perseorangan yang berminat.

2. Borang-borang tawaran boleh diperolehi dari **Telbru Store Sinarubai, Kampung Bengkurong, Masin :**

TELBRU STORE SINARUBAI
Spg. 815, Jln. Bengkurong Masin
Kampung Sinarubai
Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang tertutup rapat dan tanpa menunjukkan identiti syarikat / pemborong atau perseorangan serta ditulis bilangan tawaran dan tajuk seperti :

SALE BY TENDER

(Sila nyatakan bilangan dan keterangan)

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti Tawaran Sebut Harga :

The Chairman of Quotation Board
Telekom Brunei Berhad Headquarters
Level 4, RB Plaza
Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan
BS8811, Brunei Darussalam.

tidak lewat dari **Isnin, 4 Februari 2019, jam 2.00 Petang.**



JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA :
RTB / K / 55 / 18 - 19

OPERATION AND ROUTINE MAINTENANCE FOR AIR-CONDITIONING SYSTEMS (HVACS) AT RTB SUNGAI AKAR, BANDAR SERI BEGAWAN FOR SIX (6) MONTHS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bayaran Tawaran :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 6 Februari 2019
jam 2.00 Petang

1. SEBUT Harga ini adalah dipelawa kepada semua pemborong dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperolehi dari **Unit Hasil, Tingkat II, Seksyen Kewangan RTB, BSB** dengan membuat pembayaran terlebih dahulu pada waktu-waktu yang ditetapkan.

3. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dengan menggunakan format yang disediakan oleh pihak jabatan.

4. Sebut Harga hendaklah dikembalikan dan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dalam bentuk sampul surat yang tertutup dengan menyatakan rujukan tajuk yang berkenaan dan tarikh tutup sebut harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga RTB, Bandar Seri Begawan, seperti berikut :

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Radio Televisyen Brunei
Jalan Stoney
Bandar Seri Begawan, BB8610
Negara Brunei Darussalam.

Rujukan :
RTB / K / 55 / 18 - 19

Tarikh Tutup :
6 Februari 2019

5. Bagi syarikat luar negara bolehlah mengembalikan sebut harga melalui e-mel ke sebutharga.rtb@rtb.gov.bn tidak lewat jam 2.00 Petang (waktu Brunei) pada tarikh tutup yang ditetapkan.

6. Pembayaran yuran sebut harga hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai ataupun cek tempatan (Payee : Government of Brunei).

Para penender yang berhasrat mengikuti tawaran ini adalah disaran untuk merujuk maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN BAGI BULAN JANUARI 2019 DI DAERAH TEMBURONG

BIL	KETERANGAN	CHOP HOCK GUAN (PEKAN BANGAR)	KAINAT GROUP OF COMPANY (RATAIE, TEMBURONG)	LAKUJAYA MINIMART (PEKAN BANGAR)	YA NUR TRADING CO SDN BHD (BATU APOI COMPLEX, TEMBURONG)	YA NUR TRADING CO SDN BHD (PUNI, TEMBURONG)	YA NUR TRADING CO SDN BHD (TEMADA, TEMBURONG)
1	Mentega / Marjerin						
	GOLDEN CHURN - 340 g	\$ -	\$ -	\$ 8.00	\$ 6.40	\$ 6.20	\$ 6.20
	QBB - 454 g	\$ 7.80	\$ -	\$ 8.00	\$ 7.80	\$ -	\$ -
	PLANTA; Margarine - 480 g	\$ -	\$ -	\$ 1.45	\$ 3.40	\$ 3.50	\$ 3.30
2	Makanan dalam tin						
	YEO'S; Chicken Curry - 145 g	\$ 1.60	\$ 1.50	\$ 1.40	\$ 1.70	\$ 1.50	\$ 1.60
	REX; Chicken Curry - 160 g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.40	\$ 1.40	\$ -
	AYAM BRAND; Sardine In Tomato Sauce Tall - 230 g	\$ -	\$ -	\$ 1.50	\$ 2.50	\$ -	\$ 2.50
	KARA; Natural Coconut Extract - 200 ml	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.15	\$ 1.20	\$ -
	AYAM BRAND; Coconut Milk Blue Tin - 270 ml	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 2.00	\$ 2.00
	CHAKOAH; Coconut Milk Gata - 400 ml	\$ -	\$ -	\$ 1.80	\$ 1.80	\$ 1.80	\$ -
	BABU KITCHEN; Coconut Milk Indo - 400 ml	\$ 1.70	\$ 1.80	\$ -	\$ 1.59	\$ -	\$ -
3	Telur ayam						
	1 Tray (30 biji) (Size M/B) - 1 tray	\$ 4.50	\$ 4.80	\$ 4.00	\$ 4.50	\$ 4.50	\$ 4.90
4	Susu pekat manis						
	F&N - 390 g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.00	\$ 1.00	\$ -
	MILKMAID - 388 g	\$ 1.00	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.10	\$ -
	TEAPOT - 388 g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.30	\$ -	\$ -
5	Minyak masak						
	SANIA - 5 ltr	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 7.20	\$ -	\$ -
	SERI MURNI - 5 kg	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 9.50	\$ 7.90	\$ -
	MAZOLA; Corn - 3 kg	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 15.90	\$ -	\$ -
	LABOUR @ CAP BURUH - 5 kg	\$ -	\$ 9.80	\$ 8.90	\$ 9.95	\$ 9.95	\$ 9.95
	SUNCO; Vegetable - 5 ltr	\$ -	\$ 9.80	\$ -	\$ 9.90	\$ 9.50	\$ -
	BORGES; Classic Olive Oil - 1 ltr	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 8.90	\$ -	\$ -
	COLAVITA; Olive Oil - 1 ltr	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 8.90	\$ -	\$ -
	FRAGATA; Olive Oil - 1 ltr	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 10.90	\$ -	\$ -
6	Minuman sirap berperisa						
	F&N SUN VALLEY; Grenadine - 2 lit	\$ 4.80	\$ -	\$ -	\$ 4.20	\$ -	\$ -
	F&N SUN VALLEY; Rose - 2 lit	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 4.20	\$ -	\$ -
	F&N SUN VALLEY; Sarsi - 2 lit	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 4.20	\$ -	\$ -
7	Pencuci pakaian						
	DAIA; Excellent Washing Powder - 2.5 kg	\$ -	\$ 6.40	\$ -	\$ 5.95	\$ -	\$ 5.95
	DYNAMO; Liquid Detergent - 1 kg	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 5.90	\$ -	\$ -
	BREEZE; Liquid Detergent - 2000 ml	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 5.90	\$ -	\$ -
	CLOROX; Liquid Bleach - 1 lit	\$ 2.00	\$ -	\$ -	\$ 1.85	\$ -	\$ 2.10
	COCOREX; Liquid Bleach - 1 lit	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.60	\$ -	\$ -
8	Mee kering						
	Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah - 400 g	\$ 1.90	\$ -	\$ -	\$ 1.90	\$ -	\$ -
	Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong - 150 g	\$ 0.50	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 0.55	\$ 0.55
	CAP LIMAU; Mee Hoon - 400 g	\$ 1.20	\$ 1.15	\$ -	\$ 1.20	\$ 1.10	\$ 1.20
9	Minuman						
	BOH; Tea - 200 g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 2.60	\$ -	\$ -
	LIPTON; Yellow label - 200 g	\$ -	\$ 2.50	\$ 3.90	\$ 2.20	\$ 2.20	\$ -
	NESCAFE; Classic - 200 g	\$ 5.40	\$ 7.20	\$ 8.00	\$ 5.95	\$ 4.90	\$ -
	SEHAT; Botol - 1.5 litre	\$ 0.90	\$ -	\$ 1.00	\$ 1.00	\$ -	\$ 1.00
	SUCI; Botol - 1.5 litre	\$ 0.70	\$ -	\$ 0.80	\$ 0.80	\$ -	\$ 0.80
10	Susu cair						
	COW BELL - 400 g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.10	\$ -	\$ -
	F&N - 400 g	\$ -	\$ -	\$ 1.00	\$ 1.15	\$ 1.00	\$ -
	IDEAL - 405 g	\$ 1.45	\$ 1.50	\$ -	\$ 1.45	\$ 1.45	\$ -
11	Tepung						
	PRIMA; Plain - 1 kg	\$ 2.30	\$ 2.20	\$ -	\$ 2.15	\$ -	\$ -
12	Susu tepung berformula						
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Asli - 900 g	\$ 9.00	\$ 8.80	\$ 9.50	\$ 8.49	\$ -	\$ -
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Honey Date - 900 g	\$ 9.00	\$ -	\$ -	\$ 8.49	\$ -	\$ -
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Chocolate Strawberry - 900 g	\$ 9.00	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -	\$ -
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Fruit & Vegetable - 900 g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 10.30	\$ -	\$ -
	DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Honey Date - 900 g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 6.50	\$ -	\$ 8.49
	DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Fruits & Vegetables - 900 g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 10.30	\$ -	\$ -
	NESTLE; Nan - 1 Pro Infant Formula (0 - 12 Bln)Langkah 1 (0 - 12 Mths) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - (Turquoise) - 700 g (350g X 2)	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 26.90	\$ -	\$ -
	NESTLE; Nan - 1 Pro Infant Formula (0 - 12 Bln)Langkah 1 (0 - 12 Mths) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - (Turquoise) - 900 g	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 31.95	\$ -	\$ -
	NESTLE; Nan - 2 Pro Follow Up Formula (6 Mths - 3 Yrs) Langkah 2 (6 Mths - 3 Yrs) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - 700 g (350g X 2)	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 22.50	\$ -	\$ -
	NESTLE; Nan - 3 Grow Formulated Milk Powder For Children (1 - 3 Yrs) Pro Grow Bifidus B, Optipro Lipidsmart DHA + ARA Stripe - (Blue) - 700 g (350g X 2)	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 17.90	\$ -	\$ -
13	Ayam segar						
	Whole Chicken (Bulat) - 1 kg	\$ 4.50	\$ 4.60	\$ -	\$ 4.50	\$ 4.80	\$ -
14	Lampin bayi pakai buang						
	DRYPERS; Wee Wee Dry Newborn (Up to 5 kg) - NB 28	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 5.90	\$ -	\$ -
	DRYPERS; Small (3-7 kg) - S 32	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 12.00	\$ -	\$ -
	DRYPERS; Large (9-14 kg) - L 44	\$ -	\$ 11.00	\$ -	\$ 10.90	\$ -	\$ -
	MAMY POKO; Newborn (Up to 5 kg) - NB 28+2	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 11.20	\$ -	\$ -
	MAMY POKO; Small (3-8 kg) - S 44	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 16.80	\$ -	\$ -
	MAMY POKO; Medium (6-11 kg) - M 38	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 13.50	\$ -	\$ -
	EQ DRY; Newborn (Up to 5 kg) - NB 20/22	\$ 3.90	\$ -	\$ -	\$ 3.80	\$ -	\$ -
	EQ DRY; Small (3-7 kg) - S 40	\$ 8.00	\$ -	\$ -	\$ 7.80	\$ -	\$ 7.80
	EQ DRY; Medium (6-11 kg) - M 36	\$ 8.00	\$ -	\$ -	\$ 7.80	\$ -	\$ 7.80
	EQ DRY; Large (9-14 kg) - L 48	\$ 11.50	\$ -	\$ -	\$ 9.40	\$ -	\$ 11.50
15	Mee segera						
	MAGGI; Curry - 80g x 5	\$ 1.45	\$ 1.50	\$ 1.45	\$ 1.55	\$ 1.50	\$ 1.55
	MAGGI; Ayam - 80g x 5	\$ 1.45	\$ 1.50	\$ 2.00	\$ 1.55	\$ 1.50	\$ 1.55
	MAGGI; Asam - 80g x 5	\$ 1.45	\$ 1.70	\$ 1.80	\$ 1.90	\$ 1.85	\$ 1.90
	INDO FOOD; Mee Goreng - 80g x 5	\$ -	\$ 1.60	\$ -	\$ 1.39	\$ 1.36	\$ 1.50
	INDO MIE; Mee Goreng (Old Packaging) - 80g x 5	\$ 1.60	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 1.55	\$ 1.60
16	Mayonis						
	LADY'S CHOICE; Real Mayonnaise - 470 ml	\$ -	\$ 4.30	\$ -	\$ 3.95	\$ 4.20	\$ -
17	Milo (Malaysia)						
	Nestle Milo - 1 kg	\$ 6.80	\$ 6.20	\$ 6.50	\$ 6.45	\$ 6.39	\$ 6.90
	Nestle Milo - 1.5 kg	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 12.90	\$ 10.50	\$ 11.50
18	Bawang						
	Brown Onion (Bawang Besar) - 1 kg	\$ -	\$ 1.50	\$ 1.20	\$ 1.50	\$ 1.50	\$ 1.20
	Garlic (Bawang Putih) - 1 kg	\$ 1.80	\$ 2.00	\$ 2.50	\$ 3.50	\$ 3.50	\$ 3.20
	Shallot (Bawang Merah) - 1 kg	\$ 2.20	\$ 2.00	\$ 2.50	\$ 3.50	\$ 3.90	\$ 3.00
19	Sos						
	Oyster Sauce (Lee Kum Kee) - 510 gm	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 2.95	\$ -	\$ -
	HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Salty Soy Sauce - 645 ml	\$ 3.50	\$ 3.40	\$ 3.60	\$ 3.70	\$ 2.95	\$ 3.70
	HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Sweet Soy Sauce - 645 ml	\$ 3.60	\$ 3.50	\$ 3.60	\$ 3.80	\$ 3.20	\$ 3.70
	MAGGI; Cilli Sauce - 340 gm	\$ 1.30	\$ 1.30	\$ 1.20	\$ 2.48	\$ 1.20	\$ 1.25
	MAGGI; Tomato Ketchup - 325 gm	\$ 1.20	\$ 1.20	\$ 1.10	\$ 1.00	\$ 1.10	\$ 1.10
	ADABI; Oyster Sauce (Sos Tiram) - 510 gm	\$ -	\$ -	\$ -	\$ 2.60	\$ -	\$ -
	NONA; Oyster Sauce (Sos Tiram) - 510 gm	\$ 2.30	\$ -	\$ -	\$ 2.50	\$ -	\$ -

*Harga barang tertakluk kepada stok.

***Senarai penuh boleh diperolehi dari aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau laman sesawang www.depd.gov.bn/cad. Aplikasi mudah alih PenggunaBijak boleh di muat-turun dari Google Playstore dan Apple iTunes App Store.

Sebarang maklumat atau aduan boleh hubungi hotline JPKE +6732 230223 semasa waktu pejabat atau e-mel : aduanpengguna@jpke.gov.bn dan consumercomplaint@jpke.gov.bn



PENGASAS dan Pengurus Ajwa Kitchen, Awang Md. Adi Shukrie bin Haji Aji.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Januari. - Dengan hanya bermodalkan BND30, siapa sangka pada mulanya sebuah perniagaan kecil iaitu Ajwa Kitchen kini mampu memiliki sebuah Pusat Makanan Sehenti (One Stop Food Centre).

Ajwa Kitchen merupakan gabungan nama Haji Aji bin Haji Osman dan Hajah Siti Awa binti Haji Tuah serta terkenal dengan menu utama mereka tersendiri, iaitu Kentang Bakar.

Sejak tahun 1984, Hajah Siti Awa telah mula menjual kuih mor sebagai sumber tambahan pendapatan bagi keluarga tersebut dalam memenuhi keperluan harian mereka.

Pada 1 Jun 2013, Ajwa mula bergerak serius dalam bidang perniagaan, bermula dari jualan brownies, cup cakes, tart dan

Kentang Bakar tingkatkan perniagaan Ajwa Kitchen

puding dan mereka akhirnya mencipta menu utama tersendiri, iaitu Kentang Bakar.

Tidak hanya bergantung kepada Kentang Bakar, Ajwa Kitchen terus melebarkan cabang perniagaannya, iaitu dengan menawarkan perkhidmatan jualan makanan melalui petak berwarna warni di kediaman mereka di Perpindahan Lambak Kanan Pada Disember 2014.

Pada Jun 2015, kiub ini telah dipindahkan ke Kompleks Madang untuk memberi peluang kepada pengusaha lain menghantar produk makanan dan penjualannya di uruskan oleh Ajwa Kitchen.

Sementara itu, Pengasas dan Pengurus Ajwa Kitchen, Awang Md. Adi Shukrie bin Haji Aji ketika ditemui menjelaskan, Ajwa Kitchen ditubuhkan pada tahun 2013 yang mana pada masa itu mereka masih memulakan perniagaan secara online di kediaman mereka.

Menurutnya, Kentang Bakar Ajwa Kitchen mempunyai keistimewaan tersendiri dan memilih kentang bakar sebagai jualan merupakan gabungan idea bersama kakak dan ibunya, di mana dengan sebulat suara kentang bakar itu dijadikan satu

produk dan menghasilkan jualan yang lebih meningkat dari semasa ke semasa.

"Permulaannya kentang bakar kami jual dalam kotak, dari awal tahun 2013 ada peningkatan dari sebulan ke sebulan, iaitu dalam tiga kotak ke sepuluh kotak dan di penghujung tahun 2013 kami berjaya mencapai ke 50 kotak sehari," ujarnya.

Beliau juga mengongsikan pelbagai dugaan dan cabaran yang dilalui dalam perniagaannya,

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

seperti dari segi kesusahan mencari pekerja, selain mencari tapak atau tempat yang sesuai untuk berniaga juga menjadi salah satu cabaran mereka.

Tambahnya, bersatu hati dan memberi sokongan yang penuh di antara satu sama lain tidak kira sama ada pekerja, pembekal,

keluarga atau sahabat merupakan salah satu kunci dalam menjayakan sesebuah perniagaan.

Beliau melahirkan harapan agar belia-belia generasi baharu akan dapat berusaha lebih gigih tak kira masa, penat lelah dan yang penting ikhlas membantu orang-orang yang memerlukan.



KENTANG Bakar menu utama tersendiri Ajwa Kitchen.



DAYANG Liyana Imani binti Abdul Latif, berusia 33 tahun, yang mengusahakan pelbagai perusahaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Januari. - Penerapan prinsip berniaga secara Islam yang halal, dari sumber yang halal serta hanya semata-mata meraih keberkahan dari Allah Subhanahu Wata'ala sebelum mengharap keuntungan merupakan perkara yang perlu dipegang oleh setiap usahawan yang beragama Islam dalam menerokai bidang keusahawanan.

Sikap profesional turut memainkan peranan penting dalam menjaga hal ehwal perniagaan selain menjaga pertuturan dengan pekerja, tidak kasar kerana mereka adalah ahli tenaga yang menolong menjayakan perniagaan awda.

Perkara tersebut dikongsikan oleh seorang pengusaha belia tempatan, Dayang Liyana Imani binti Abdul Latif, berusia 33 tahun, yang mengusahakan pelbagai perusahaan iaitu Lily Imani Enterprise, Lily Imani Real Estate Agency, Syarikat Lily Imani Health and Beauty Establishment, Lily Amanda Trading Featuring Rumah Manis dan yang terbaharu ialah perniagaan express makanan bawa pulang yang berkhasiat, di bawah syarikat bernama Eat Well Co. di Jerudong.

Menurutnya, beliau mula berminat untuk menerokai bidang

Gigih terokai bidang keusahawanan

Berita dan Foto : Aimi Sani

perniagaan sejak berusia 16 tahun yang mana selepas pulang dari sekolah, beliau terus ke pejabat ibunya yang juga merupakan seorang usahawan.

Seorang graduan Sarjana Muda dalam jurusan Public Policy and Business Administration, beliau memulakan perniagaan menjual keperluan ibu-ibu dan anak damit pada tahun 2009 melalui Facebook dan mengadakan pick-up point di kedai ibu kepada teman rapatnya selama tiga tahun, di samping menggunakan khidmat pos laju untuk menghantar pesanan para pelanggannya.

"Pada tahun 2012 setelah mengumpul sejumlah wang, saya membuka kedai pertama di Kiulap, iaitu Lily Imani Enterprise yang menjual keperluan ibu-ibu mengandung dan menyusui, keperluan anak damit dan kanak-kanak," ujarnya.

Syarikat Lily Imani Health and Beauty Establishment merupakan khidmat rawatan selepas bersalin secara tradisional Melayu Brunei yang menawarkan perkhidmatan dari rumah kerumah bagi merawat ibu-ibu selepas bersalin. Syarikat saya turut menawarkan pakej-pakej berpantang, menyuci tebeni, bercukur dan bersunat anak damit perempuan serta rawatan mandi bagi anak damit yang baru lahir.

Manakala Syarikat Lily Amanda Trading Featuring Rumah Manis yang terletak di ibu negara saya sewakan sebagai tempat untuk peniaga makanan tempatan menjual kuih-kuih, bermacam jenis nasi dan mee, minuman dan makanan ringan," terangnya.

Lily Imani Real Estate Agency pula, tambahannya, adalah sebuah syarikat menjual rumah-rumah yang ditawarkan oleh para pemaju yang ada di pasaran sekarang dan

juga orang-orang persendirian selain mendapatkan klien yang ingin membina rumah dan berkerja bersama adik saya Dayang Liydia Abdul Latif yang merupakan pengarah bagi sebuah perniagaan pembinaan rumah.

Perniagaan terbaharu beliau adalah perniagaan ekspres makanan bawa pulang yang berkhasiat, di bawah syarikat bernama Eat Well Co. di Jerudong.

Beliau turut mengongsikan ciri-ciri utama yang perlu ada dalam diri belia yang menerokai bidang keusahawanan hendaklah mestilah bersikap profesional, proaktif dan penyabar.

Kesilapan, kerugian dan kegagalan sudah tentu akan terjadi bila menceburi bidang ini, kerana beliau sendiri pernah mengalami kegagalan hasil daripada keputusan yang salah serta kegagalan dalam mencuba membuka perniagaan yang lain akan tetapi tetap bersikap profesional, mengambil iktibar serta pengajaran yang mengingatkan beliau untuk tidak mengulangi kesilapan yang merugikan lagi.

Beliau turut menyarankan kepada belia di luar sana untuk mempercayai diri sendiri, mempunyai toleransi yang tinggi untuk menanggung risiko dan harus difahami bahawa awda akan terpaksa berkerja lebih keras apabila memiliki perniagaan sendiri selain menjaga adab dan akhlak mengikut cara-cara agama tersendiri.

"Saya amat berpegang teguh kepada prinsip usaha dan tawakal, serta kefahaman yang sangat mendalam tentang menyerahkan segala urusan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana Dialah



SEBAHAGIAN lagi barang-barang jualan pengusaha tempatan, Dayang Liyana Imani.



PENGUSAHA belia tempatan, Dayang Liyana Imani (kiri) menerokai bidang perniagaan sejak berusia 16 tahun.

pemilik dan pengurus rezeki kita masing-masing yang telah tercatat dalam ketentuan dan takdir diri kita semua. Pelihara fokus awda dengan baik kerana fokus dan tumpuan pada perkara-perkara dalam perniagaan adalah penting untuk mengelakkan kucar-kacir dan mengelirukan tenaga pekerja serta menjaga juga visi dan misi awda.

Bidang keusahawanan akan memberi anda bermacam-macam cabaran dan ia bukan perkara yang mudah, terutama sekali dalam perkara membuat keputusan-keputusan yang besar ataupun kecil," ujarnya.

Dayang Liyana Imani pada ketika ini mempunyai seramai 20 tenaga pekerja yang semuanya terdiri daripada warga tempatan.

Peranan, fungsi Pejabat Pendaftaran Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam

Sumbangan : Mahkamah Syariah dengan kerjasama
Noriah Haji Abdul Hamid, Meja Kandungan Khas,
Bahagian Pelita Brunei

SIRI II

Pendaftaran Perkahwinan
Terdapat tiga jenis pendaftaran perkahwinan mengikut Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217 iaitu Pendaftaran Perkahwinan Dalam Negara, Pendaftaran Perkahwinan Luar Negara dan Pendaftaran Sukarela.

i. Pendaftaran Perkahwinan Dalam Negara

Jurunikah akan menghadapi Borang 7 dan 8 iaitu Borang Izin Mauliah dan Borang Catatan Perkahwinan ke kaunter Mahkamah tempat pasangan melangsungkan pernikahan berserta dengan pembayaran sebanyak BND50 iaitu BND10 bagi pendaftaran, BND20 bagi Sijil Nikah dan Ta'liq dan BND20 bagi kad Nikah.

Pendaftar mengikut daerah masing-masing setelah berpuas hati bahawa segala kehendak hukum Syara' dan undang-undang dipatuhi, akan mendaftarkan semua nikah yang telah dijalankan oleh mana mana jurunikah kawasan daerah tersebut sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang.

Pendaftar kemudiannya mengeluarkan Sijil Nikah berserta dengan Sijil Taliq kepada kedua-dua pihak bagi perkahwinan itu setelah bayaran yang ditetapkan dibayar.

1. Permohonan Kad Nikah
Setelah pendaftaran nikah telah dilaksanakan, pasangan suami

isteri tersebut dibenarkan untuk membuat kad nikah setelah bayaran yang ditetapkan dibayar.

Pasangan perlu hadir ke Kaunter Mahkamah mengikut daerah di mana pasangan melangsungkan pernikahan dan melengkapkan borang untuk memohon Kad Nikah dan seterusnya mengambil gambar serta cap jari pasangan berkenaan sebelum Kad Nikah berkenaan dicetak. Pasangan hendaklah berpakaian kemas dan menutup aurat semasa permohonan untuk Kad Nikah dilakukan.


Permohonan Kad Nikah ini hanyalah bagi perkahwinan yang dijalankan di Negara Brunei Darussalam setelah berkuat kuasa Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217.

ii. Pendaftaran Perkahwinan Di Luar Negara

Bagi pasangan yang telah bernikah di luar negara dan telah mendapatkan kebenaran berkahwin daripada Pendaftar, pemohon dikehendaki mendaftarkan perkahwinan tersebut dalam masa enam bulan selepas salah satu atau kedua-dua pihak itu mula-mula sampai di Negara Brunei Darussalam dengan melengkapkan Borang 12 (Permohonan untuk mendaftarkan perkahwinan) dan hendaklah hadir dihadapan Pendaftar di Negara Brunei Darussalam untuk siasatan.

Pasangan dikehendaki mengemukakan dokumen yang diperlukan seperti :

- Salinan Kad Pengenalan atau



KAD Nikah mula diperkenalkan pada 2017.

pasport

-Salinan Surat Beranak
-Salinan Pasport yang menyatakan kemasukan ke Brunei Darussalam setelah pernikahan dijalankan
-Sijil Nikah
-Surat pengesahan nikah dari

pihak yang bertanggungjawab di mana perkahwinan dilangsungkan
-Borang keterangan nikah
-Salinan surat kebenaran berkahwin
-Salinan surat kebenaran berpoligami (jika berkenaan)
-Sijil Cerai (bagi duda cerai

hidup/ janda)

-Salinan Sijil Mati (bagi duda cerai mati / balu)
-Salinan surat pengesahan memeluk agama Islam (bagi saudara baharu)

-Bayaran sebanyak BND20
Pendaftar setelah berpuas hati bahawa segala kehendak hukum Syara' dan undang-undang dipatuhi hendaklah mendaftarkan perkahwinan tersebut dan mengeluarkan salinan sah catatan dalam Daftar Perkahwinan yang diperakui dan ditandatangani oleh Pendaftar kepada pasangan tersebut.

Walau bagaimanapun, jika perkahwinan tersebut diragui kesahihannya, Pendaftar akan merujuk perkara tersebut kepada Mahkamah untuk pengesahan. Setelah disahkan oleh Mahkamah, Pendaftar hendaklah mendaftarkan perkahwinan tersebut.

iii. Pendaftaran Perkahwinan Sukarela

Jika mana-mana pihak kepada sesuatu perkahwinan yang diakadnikahkan mengikut hukum Syara' di bawah mana-mana undang-undang sebelum dan selepas Undang-Undang Keluarga Islam mula berkuat kuasa dan berkeinginan untuk didaftarkan, hendaklah memohon daripada Kaunter Mahkamah mengikut daerah masing-masing.

Pemohon hendaklah melengkapkan borang yang telah ditetapkan iaitu Borang 12 (Permohonan untuk mendaftarkan perkahwinan) dengan mengemukakan:

- Salinan Kad Pengenalan atau pasport
- Salinan Surat Beranak
- Sijil Nikah
- Butir-butir perkahwinan
- Pembayaran sebanyak BND10

Pendaftar setelah berpuas hati tentang kebenaran pernyataan-pernyataan yang terkandung dalam permohonan itu, mendaftarkan perkahwinan tersebut dan mengeluarkan salinan sah catatan dalam Daftar Perkahwinan yang diperakui dan ditandatangani oleh Pendaftar kepada pasangan tersebut.

PERMOHONAN Kad Nikah ini hanyalah bagi perkahwinan yang dijalankan di Negara Brunei Darussalam setelah berkuat kuasa Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217.



BANGUNAN Mahkamah Syariah Daerah Temburong.

SM SMJA lancarkan Sesi CCA 2019

Siaran Akhbar dan Foto :
Sekolah Menengah Sultan
Muhammad Jamalul Alam



ANTARA aktiviti yang memeriahkan suasana Perasmian Sesi CCA 2019 bagi Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) di Kompleks Sukan sekolah berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Januari. - Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) telah mengadakan Sesi CCA 2019 yang diadakan di Kompleks Sukan SM SMJA pada Sabtu baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya penyempurnaan perasmian sukan tersebut ialah Pengetua SM SMJA, Awang Haji Juma'ata Sonadey bin Haji Mornie.

Majlis dimulai dengan perbarisan lalu daripada Kelab-kelab CCA 2019 sekolah tersebut.

Sesi CCA 2019 tersebut turut dimeriahkan dengan senamrobik yang dipimpin oleh Jabatan Pendidikan Jasmani. Kemudian persembahan daripada Persatuan Shorinki Kempo Brunei dan Origami dari Suruhanjaya Tinggi Republik India.

Guru Kanan CCA, Awang Haji Moza Norhazahrin Shah bin Moxin berharap seratus peratus penuntut didaftarkan ke Kelab CCA dan memastikan setiap penuntut mempunyai Kelab CCA masing-masing.

Beliau juga berharap lebih banyak inisiatif daripada guru-guru dari segi aktiviti dan pertandingan di dalam sekolah, mahupun di antara sekolah-

sekolah.

Di samping itu, setiap guru dihasratkan akan dapat membuat lebih banyak lawatan luar dan menjemput orang luar sebagai

jurulatih dan sebagainya. Selain menggalakkan setiap Kelab CCA untuk berlumba-lumba untuk meraih gelaran Kelab CCA Terbaik SM SMJA pada tahun

ini.

Sesi CCA ini telah diungkuhkan oleh Unit CCA, SM SMJA. Di mana terdapat sebanyak 55 Kelab CCA

ditubuhkan pada tahun ini, yang mana setiap penuntut adalah dikehendaki memilih satu sahaja Kelab CCA untuk disertai sepanjang tahun.

Penyertaan Larian Hari Kebangsaan Ke-35 kini dibuka

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Januari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan menganjurkan Larian Hari Kebangsaan Ke-35

serentak di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin bagi Daerah Brunei dan Muara dan Kompleks Sukan Temburong bagi Daerah Temburong pada Ahad, 17 Mac 2019 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, sebanyak enam kategori dipertandingkan iaitu Kategori Terbuka Lelaki; Kategori Terbuka Wanita; Kategori Veteran Lelaki; Kategori Veteran Wanita; Kategori Remaja Lelaki 16 Tahun Kebawah (lahir tahun 2003 ke atas) dan Kategori Remaja Perempuan 16 Tahun Kebawah (lahir tahun 2003 ke atas) semua dengan jarak 10 kilometer. Manakala Kategori Fun Run Terbuka pula sejauh 4 kilometer.

Bagi Daerah Temburong pula, hanya Kategori Fun Run Terbuka sejauh 4 kilometer disediakan.

Hadiah-hadiah yang disediakan bagi enam kategori tersebut ialah pemenang pertama, kedua dan ketiga masing-masing akan menerima wang tunai BND500, BND400 dan BND300 berserta pingat. Manakala pemenang tempat keempat dan kelima masing-masing akan menerima wang tunai BND200 dan BND100.

Acara larian ini dibukakan kepada semua rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam serta warganegara asing yang memegang kad pintar berwarna ungu dan hijau yang bekerja dan bermastautin di negara ini.

Yuran penyertaan adalah BND15.00 setiap seorang dan setiap peserta hanya dibenarkan menyertai satu kategori sahaja.

Pendaftaran larian mula dibukakan pada 22 Januari hingga 28 Februari ini (hari bekerja) bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang.

Borang penyertaan boleh didapati di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) cawangan daerah-daerah.

Borang yang lengkap diisi berserta yuran pendaftaran hendaklah dikembalikan tidak lewat 28 Februari 2019 sebelum pukul 3.30 petang di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan cawangan JBS di daerah-daerah pada hari dan waktu bekerja sahaja.

Sementara pengambilan baju-T dan nombor bib bagi larian tersebut akan diadakan pada 13 dan 14 Mac pukul 9.00 pagi hingga 3.30 petang bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas; Kompleks Sukan Mumong; Kompleks Sukan Tutong dan Kompleks Sukan Temburong.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi Urusetia Larian Hari Kebangsaan Ke-35, Bahagian Sukan, Jabatan Belia dan Sukan di talian +673 2382911 / +673 2381914 sambungan 1616/1632; +673 3340958 bagi JBS Cawangan Daerah Belait; +673 4260118 bagi JBS Cawangan Daerah Tutong dan +673 5221718 bagi JBS Cawangan Daerah Temburong.



Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :
pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :
1) 'Air' - Tarikh Tutup : 26 Januari 2019
2) 'Senyum' - Tarikh Tutup : 9 Februari 2019
3) 'Bendera atau Anak Merdeka' - Tarikh Tutup : 23 Februari 2019
Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



Sukan

INFO SUKAN

HOKI ais ialah sejenis sukan berpasukan yang dimainkan di atas permukaan ais di mana dua pasukan akan berlawan antara satu sama lain. Objektif permainan ialah untuk memasukkan "puck" menggunakan kayu pemukul ke dalam gol lawan. Sukan ini lazimnya diadakan di dalam dewan yang hampir serupa dengan hoki padang.



ePaper Pelita Brunei

Kasuka FC tewaskan Indera NC 2 - 1

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 21 Januari. - Kasuka FC berjaya menewaskan Indera NC, 2 - 1 pada perlawanan Liga Super Brunei DST 2018-2019 yang berlangsung di Padang Balapan Berakas, petang kelmarin.

Para penyokong dari kedua-dua pasukan tentu sahaja tidak melemahkan semangat para pemain kedua pasukan apabila mereka terus mengasak dan mengatur pelbagai strategi perlawanan menentang pasukan lawan masing-masing.

Sejurus memasuki minit ke-35 di separuh masa pertama perlawanan, Indera NC berjaya menjaringkan gol tunggal mereka menerusi Hazwan bin Hamzah dan pada minit ke-38 Kasuka FC menjaringkan gol tunggalnya

mereka menerusi Muhammad Maududi Hilmi bin Kasmi.

Namun di separuh masa kedua dalam minit ke-74 Kasuka FC mengejutkan pasukan lawannya Indera NC dengan menghadiahkan gol kedua mereka melalui Awang Maziri bin Maidin.

Dalam pada itu, di beberapa minit akhir perlawanan, kedua dua pasukan terus membuat beberapa serangan balas bagi menambah jumlah jaringan namun gagal untuk menjaringkan sebarang gol.

PEMAIN Indera FC (jersi hijau) cuba dipintas oleh pemain Kasuka FC (jersi hitam) dalam perlawanan Liga Super Brunei DST 2018-2019.



Nurjamri Johari unggul BES



SETIAUSAHA Tetap (Kewangan dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah ketika bergambar ramai bersama para atlet bagi Kategori Elit dan Kategori Wanita bagi Brunei Enduro Series (BES) IV Siri Akhir (kiri dan kanan).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan AJK Brunei Enduro Series (BES)

TUNGKU LINK, Isnin, 21 Januari. - Brunei Enduro Series (BES) IV Siri Akhir yang berlangsung di trail Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah berjaya menarik lebih 150 penyerta bukan sahaja dari Brunei Darussalam malahan juga dari Malaysia.

Para peserta mengharungi lima

peringkat perlumbaan menuruni bukit serta laluan yang sangat mencabar dengan keseluruhan jarak laluan sejauh 15 kilometer.

Perlumbaan kali ini menyaksikan Pasukan Brunei Enduro Racing Team muncul juara secara berpasukan.

Pertandingan anjuran A Works Event Management itu

menampilkan empat kategori, antaranya Kategori Terbuka yang dimenangi oleh Mohd. Najib Nasarudin.

Berada di tempat kedua pula, Muhammad Al Waie Haji Aini dan tempat ketiga milik Terence Rinusin dari Sabah.

Sementara itu Kategori Elit, Mohammad Nurjamri Johari muncul juara mengatasi Mohd. Shahnizam Haji Tamit yang berada di tempat kedua dan di tempat ketiga pula Nazri Omar.

Dalam Kategori Eksklusif pula, Muhammad Eddie Abdullah

mencatat rekod peribadi selepas menjuarai kategori tersebut sekaligus meninggalkan pesaing terdekatnya, Mazlee Noor Metusin yang terpaksa akur di tempat kedua, manakala di tempat ketiga ialah Muhammad Abdul Wafie.

Christina Fah pula meneruskan penguasaannya dalam Kategori Wanita apabila mengungguli perlumbaan tersebut mengatasi Noorhasniti Jun yang berada di tempat kedua dan Angie On di tempat ketiga.

Sementara itu, juara keseluruhan BES bagi musim 2018-2019 bagi

Kategori Terbuka dimenangi oleh Haji Hamdani Haji Besar manakala bagi Kategori Elit dimenangi oleh Mohammad Nurjamri Johari.

Zuraidie Ramli pula menjuarai Kategori Eksklusif Keseluruhan dan Christina Fah memenangi Kategori Wanita.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

WASPADA DENGAN ANCAMAN JENAYAH KOMPUTER DAN SIBER

دربیتکن اوله جباتن فتراهن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam